

"DAN tiadalah kehidupan dunia ini melainkan permainan dan senda gurau (semata-mata)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-An'am, ayat 32.



KEPENTINGAN MENGEKALKAN MOMENTUM, MEMASTIKAN KEMAJUAN BERTERUSAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Ventures (BSJV) dan Brunei Gas Carriers (BGC) berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-226 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah BGC Ke-112 bagi Suku Kedua Tahun 2025. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

menandakan genap satu tahun sejak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memegang jawatan sebagai Pengerusi Syarikat-syarikat BSJV dan BGC.

>> Muka 3

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Ventures (BSJV) dan Brunei Gas Carriers (BGC) berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-226 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah BGC Ke-112 bagi Suku Kedua Tahun 2025, pagi tadi.
Mesyuarat - mesyuarat tersebut

Berita Utama



MUFTI Kerajaan terima kunjungan muhibah

Muka 7



PENGUNAAN AI dalam pendidikan secara beretika, berpusatkan manusia

Muka 9

Berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran Senegara Sambutan Jubli Intan

■ Oleh : Mohammad Khairul Hisyam Jaya

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Julai. - Majlis Doa Kesyukuran Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam telah diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, lewat petang tadi.

>> Muka 4



PUPUK kesedaran masyarakat kesan buruk penggunaan tembakau

Muka 11

JPMC lancar Minggu Kesejahteraan Pekerja 2025

■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Julai. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) hari ini melancarkan Minggu Kesejahteraan Pekerja tahunannya dengan tema 'Keselamatan Bermula Dengan Kita', yang diadakan di Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

Hadir bagi merasmikan acara tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi

JPMC.

Acara yang kini memasuki tahun ketiga penganjurannya itu terus mengangkat budaya kesejahteraan sebagai teras utama dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan, dengan memberi keutamaan kepada kebajikan para pekerja.

Dalam ucapan perasmian, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menekankan bahawa keselamatan bukan sekadar satu kempen tetapi satu budaya yang bermula dengan sikap saling menghormati dan teladan yang ditunjukkan oleh setiap

individu.

"Jika dilakukan dengan betul, keselamatan tidak hanya bermula dengan kita, malah akan terus kekal bersama kita," ujarnya.

Selama ini katanya, kita terlalu menumpukan perhatian kepada keselamatan dalam bentuk angka seperti laporan insiden, kejadian nyaris, kadar pematuhan, dan papan pemantauan risiko. Semua ini memang penting dan perlu diteruskan.



>> Muka 6



RISING Rugby Academy: Cungkil bakat dari akar umbi

Muka 23

PENDUDUK BEKERJA CATAT PENINGKATAN 2.9 PERATUS



peratus). Purata jam bekerja biasa dalam pekerjaan utama meningkat kepada 46.5 jam seminggu pada 2024, berbanding 45.8 jam pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah penduduk bekerja, sebahagian kecil (1.9 peratus) turut terlibat dalam pekerjaan atau aktiviti kedua.

Kadar pengangguran menurun daripada 5.1 peratus pada 2023 kepada 4.7 peratus pada 2024. Majoriti penduduk yang menganggur berumur 18 tahun dan ke atas mempunyai pendidikan menengah dan ke bawah, iaitu sebanyak 5,900 orang atau 54.1 peratus daripada jumlah penduduk yang menganggur.

Selain itu, penduduk berumur 25 hingga 64 tahun merangkumi 59.6 peratus daripada jumlah penduduk yang menganggur.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) merakamkan penghargaan kepada semua isi rumah yang telah terpilih atas kerjasama mereka sepanjang tempoh kajian. Penyertaan mereka telah memainkan peranan penting dalam menyediakan pandangan berharga mengenai profil tenaga kerja di NBD.

Laporan akhir KTK 2024 boleh diperoleh di laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara tersebut, sila hubungi JPES menerusi talian +673 7469844 (waktu pejabat) atau e-mel info.statistics@jpes.gov.bn atau laman sesawang deps.mofe.gov.bn.

**Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Julai. - Laporan akhir Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2024 menyatakan bahawa jumlah tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah seramai 233,200 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 95.3 peratus (222,300 orang) merupakan penduduk yang

bekerja, manakala selebihnya 4.7 peratus (10,900 orang) sedang mencari pekerjaan (penganggur). Bilangan penduduk bekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 2.9 peratus, meningkat kepada 222,300 orang pada 2024 berbanding 216,000 orang pada 2023. Pekerjaan dalam sektor awam dan swasta masing-masing

meningkat sebanyak 0.3 peratus dan 4.0 peratus. Pertumbuhan pekerjaan dalam sektor swasta tersebut didorong terutamanya oleh perkhidmatan dan jualan (18.3 peratus), pembinaan (15.8 peratus) dan aktiviti penginapan dan perkhidmatan makanan (13.5 peratus). Bagi pekerja tempatan, lebih separuh (58 peratus) bekerja dalam sektor swasta, manakala 42 peratus bekerja dalam sektor awam.

Mengikut aktiviti pekerjaan, majoriti pekerja tempatan bekerja dalam bidang pentadbiran awam (26.0 peratus), diikuti oleh perdagangan borong dan runcit (12.6 peratus), dan pendidikan (12.1 peratus). Mengikut jenis pekerjaan, pekerja perkhidmatan dan jualan merangkumi 25.6 peratus daripada jumlah pekerja tempatan, diikuti oleh pekerjaan sebagai profesional (22.5 peratus) dan juruteknik dan profesional besekutu (15.4

WAKTU SEMBAHYANG

JULAI MASHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	RABU	5	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
31	KHAMIS	6	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
1	JUMAAT	7	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.37	7.50
2	SABTU	8	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
3	AHAD	9	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
4	ISNIN	10	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.49
5	SELASA	11	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.48

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	32 25 °C	32 24 °C
Pekan Tutong	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Kuala Belait	33 25 °C	33 25 °C	32 24 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

30 JULAI 2025

Kurangkan aktiviti luar semasa cuaca panas

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) pada ketika ini mengalami keadaan cuaca panas dan kering di mana suhu maksimum harian boleh meningkat tinggi daripada suhu biasa. Di samping itu, keadaan cuaca juga berjebu disebabkan oleh jumlah titik panas akibat dari kebakaran hutan dan lahan yang berlaku di kepulauan Borneo, dengan ditiup angin perlahan dari barat daya (Southwesterly) menuju ke NBD.

Di samping itu, Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi juga turut meramalkan bahawa jumlah turunan hujan bagi bulan Julai adalah di bawah jumlah normal dan dalam tempoh ini cuaca dijangkakan panas dan kering di mana suhu maksimum harian boleh meningkat antara 34 darjah Celsius hingga 37 darjah Celsius.

Dengan keadaan cuaca panas dan kering ini, orang ramai adalah diingatkan agar tidak melakukan pembakaran hutan dan rumput yang boleh mendorong kepada berlakunya pencemaran kualiti udara, pembawa gejala penyakit dan memusnahkan kehijauan hutan negara.

Selain itu, ia juga akan menjejaskan dan menghalang penglihatan pengguna jalan raya yang boleh membahayakan pemandu kenderaan atau pengangkutan di sungai atau laut disebabkan oleh asap dan keadaan berjebu daripada kebakaran hutan atau rumput.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak membuat pembakaran terbuka atau perunan sama ada untuk membersihkan kawasan untuk bercucuk tanam, kawasan perumahan atau tapak pembinaan dan sebagainya.

Dengan keadaan cuaca panas dan kering ini, orang ramai di negara ini terutama kanak-kanak, wanita mengandung, warga emas dan mereka yang menghidap penyakit asma, penyakit paru-paru dan penyakit jantung adalah dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah. Orang ramai yang mengalami gejala seperti batuk berpanjangan atau sesak nafas adalah dinasihatkan untuk berjumpa doktor di pusat kesihatan terdekat.

Orang ramai dinasihatkan untuk segera menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat melalui Talian Kecemasan 995 sekiranya berlaku sebarang kejadian kebakaran hutan atau rumput.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga dinasihatkan agar tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka atau apa-apa aktiviti lain yang boleh memburukkan keadaan, terutamanya semasa musim kering. Sama-samalah *kitani* sentiasa beringat-ingat agar tidak melakukan sebarang kegiatan yang boleh memburukkan keadaan dan juga alam sekitar. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Kepentingan mengekalkan momentum, memastikan kemajuan berterusan



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Ventures (BSJV) dan Brunei Gas Carriers (BGC) bagi mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-226 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah BGC Ke-112 bagi Suku Kedua Tahun 2025 (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Sejurus keberangkatan tiba di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji

Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah-pengarah BLNG dan BGC.

Pada permulaan mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah yang mana baginda telah mengiktiraf momentum operasi yang ditunjukkan oleh Syarikat-syarikat BSJV dan BGC serta menegaskan kepentingan untuk mengekalkan momentum tersebut bagi memastikan kemajuan yang berterusan.

Baginda juga turut menggalakkan agar Syarikat-syarikat BSJV dan BGC untuk kekal berdaya tahan dalam menghadapi landskap tenaga global yang sedang berubah dan juga menekankan akan kepentingan perancangan yang berpandangan jauh bagi memastikan Syarikat-syarikat BSJV dan BGC kekal tangkas dan berjaya dalam jangka masa panjang.

Mesyuarat tersebut telah membincangkan aspek utama seperti prestasi operasi,

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin

keselamatan, kewangan dan pembangunan tenaga manusia bagi BLNG dan BGC.

Terdahulu, mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa dan dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah DYMM; Shell Plc dan Mitsubishi Corporation serta ahli-ahli kepimpinan dari BLNG dan BGC.

Kebawah DYMM seterusnya akan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-415 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-193 bagi Suku Kedua Tahun 2025 pada Rabu, 30 Julai 2025.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah BLNG Ke-226 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei BGC Ke-112 bagi Suku Kedua Tahun 2025 (atas dan kanan sekali).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berjunjung ziarah (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran Senegara. Juga berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas dan kanan).

>> Muka 1

Berkenan berangkat ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Juga berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Turut menjunjung, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM,

ANTARA jemaah yang hadir pada majlis berkenaan.

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi yang lain.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan seterusnya Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia

BERANGKAT KE MAJLIS DOA KESYUKURAN SENEGARA SAMBUTAN JUBLI INTAN



Haji Awang Salim bin Haji Besar, yang juga memimpin bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan seterusnya membaca Doa Kesyukuran.

Seluruh rakyat dan penduduk di negara ini merafakkan rasa syukur dan sama - sama mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

**Oleh : Mohammad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar**

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia dan sihat walafiat.

Dan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam dengan penuh keberkatan, adil dan saksama.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah (kiri), manakala gambar kanan, DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika membaca Surah Yaa Siin beramai-ramai.



Majlis Doa Kesyukuran Senegara sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha

Daerah Tutong



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu khas pada Majlis Doa Kesyukuran Senegara di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (atas dan kanan).

TUTONG, Isnin, 28 Julai. - Majlis Doa Kesyukuran Senegara sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji

Mohamed Alam diadakan secara serentak di masjid-masjid seluruh negara.

Bagi Daerah Tutong, tumpuan utama diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu khas, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan seterusnya Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh imam masjid tersebut, Awang Sahibol Omar bin Haji Mohd.



Yusuf.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan seterusnya membaca Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Azman bin Haji Musa.

Marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat dan bagi Kebawah Duli

Yang Maha Mulia kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam.

Daerah Belait



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir pada Majlis Doa Kesyukuran Senegara di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait (atas dan bawah).



KUALA BELAIT, Isnin, 28 Julai. - Majlis Doa Kesyukuran Senegara sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri

Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam malam tadi diadakan secara serentak di masjid-masjid seluruh negara.

Di daerah ini, tumpuan utama acara diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, yang dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Daerah Temburong



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir pada Majlis Doa Kesyukuran Senegara di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TEMBURONG, Isnin, 28 Julai. - Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menjadi tumpuan di Daerah Temburong bagi Majlis Doa Kesyukuran Senegara sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Hadir pada majlis tersebut, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Pemangku Penghulu Mukim Zon 1, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau. Majlis turut disertai oleh pegawai dan kakitangan dari setiap Cawangan Jabatan di Daerah Temburong, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Jemaah, Persatuan-persatuan dan Belia Daerah Temburong, Kumpulan Belia Masjid Temburong, Pasukan-pasukan Beruniform dan 40 Pelatih IBTE.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Tingkat III, Masjid Utama Mohammad Salleh, Awang Norezam bin Haji Zaini, diikuti dengan Sembahyang Sunat Ba'diyah masing-masing dan seterusnya Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan bacaan Surah Yaa Siin yang diimamkan dan diketuai juga oleh Awang Norezam bin Haji Zaini.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong, Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan seterusnya membaca Doa Kesyukuran.

Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia dan sihat walafiat.

Dan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam.

JPMC LANCAR MINGGU KESEJAHTERAAN PEKERJA 2025



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Namun tambahnya lagi, itu hanyalah satu sisi cerita. Kerana keselamatan yang sebenar hidup dalam budaya kita dan bagaimana kita melayan satu sama lain, bagaimana kita mewujudkan ruang untuk bersuara, bagaimana kita memberi ruang untuk dipimpin dan dikenali kerana inilah asas sebenar kepada budaya kerja yang selamat.

Antara inisiatif yang diperkenalkan semasa pelancaran adalah termasuk Time4Me Leave, iaitu cuti khas selama seminggu



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

bagi menggalakkan kakitangan mengambil masa untuk berehat; Perlantikan Psychological First Aiders, yang berperanan sebagai penyokong rakan sebaya dalam pasukan; dan Penambahan manfaat perubatan termasuk rawatan estetik dan akses kepada pakar perunding dalaman.

Usaha ini mencerminkan pendekatan holistik JPMC dalam memelihara kesejahteraan pekerja

secara menyeluruh, merangkumi kesihatan fizikal dan daya tahan emosi.

Selain itu, acara tahunan ini juga menyampaikan mesej kuat berkaitan kelestarian alam sekitar. Sebahagian daripada hasil program akan disumbangkan kepada Green Brunei, sementara para vendor yang terlibat turut komited untuk mengurangkan penggunaan plastik.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir pada pelancaran Minggu Kesejahteraan Pekerja tahunannya dengan tema 'Keselamatan Bermula Dengan Kita', yang diadakan di Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

Kakitangan juga digalakkan membawa bekas minuman, bekas makanan dan beg kitar semula masing-masing. Pendekatan ini memperkukuh budaya lestari ke arah masa depan yang lebih selamat dan sihat.

Sepanjang Minggu Kesejahteraan Pekerja, warga kerja JPMC berpeluang menyertai pelbagai program seperti ceramah, bengkel dan kelas yang merangkumi kesihatan mental, kecergasan fizikal, literasi kewangan dan pembangunan jati diri.

Aktiviti ini bertujuan memupuk empat tonggak utama kesejahteraan iaitu keselamatan, minda, tujuan dan tubuh badan.

Ketua Pegawai Sumber Manusia JPMC, Awang Mohammad Salehin bin Haji Basir turut menekankan kepentingan menerapkan budaya

keselamatan dalam sektor penjagaan kesihatan.

"Dalam bidang ini, adalah penting untuk para petugas perubatan berada dalam keadaan mental yang sejahtera. Menjaga diri sendiri terlebih dahulu membolehkan kita menjaga orang lain dengan lebih baik," jelasnya.

Beliau turut menyatakan bahawa usaha kesejahteraan ini turut memperkukuh jenama majikan JPMC serta meningkatkan kerjasama dalam kalangan kakitangan.

"Kajian menunjukkan bahawa prestasi sesebuah pasukan tidak hanya bergantung kepada kemahiran teknikal individu, tetapi juga kepada rasa kebersamaan dan isyarat keselamatan dalam dinamik kumpulan," tambahnya.

Acara yang berlangsung selama empat hari bermula hari ini hingga 31 Julai 2025 bukan sahaja bertujuan memupuk persekitaran kerja yang positif dan menyokong, tetapi juga sebagai strategi mengekalkan tenaga kerja dengan menghargai dedikasi mereka, kerana menjaga insan yang menjaga orang lain adalah nadi kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

Pastikan perkhidmatan agama disampaikan secara telus, relevan, berkesan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BELAIT, Isnin, 28 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memainkan peranan penting dalam memperkukuh kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selaras dengan Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan Wawasan Brunei 2035, KHEU sentiasa berusaha memastikan perkhidmatan - perkhidmatan agama yang disampaikan adalah telus, relevan dan berkesan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Sesi Dialog KHEU Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan dilaksanakan sebagai satu platform bagi bertukar pandangan, mengenal pasti cabaran serta merangka strategi penambahbaikan perkhidmatan agama.

Inisiatif tersebut turut mencerminkan usaha berterusan kementerian berkenaan dalam mendukung agenda pembangunan

negara melalui perkongsian antara pihak kerajaan dan masyarakat.

Sebagai kesinambungan usaha tersebut, KHEU melancarkan Sesi Dialog Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan ke Daerah Belait bertempat di Dewan Persidangan Kuala Belait, di sini.

Hadir sama pada Sesi Dialog tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan seterusnya membacakan teks ucapan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Yang Berhormat dalam ucapannya antara lain merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan penyertaan pemimpin akar umbi dan pihak berkepentingan yang hadir dalam menjayakan Sesi Dialog berkenaan.

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir sama pada Sesi Dialog dan seterusnya membacakan teks ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (kanan), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada sesi berkenaan.

"Menjaykannya itu ialah dalam erti kata *biskita* akan tampil mengemukakan maklum balas terhadap perkhidmatan agama yang diamanahkan kepada kami di KHEU untuk merancang dan melaksanakannya dengan sebaik mungkin dan sedaya upaya.

"Sesungguhnya sebelum ini setelah mengadakannya di tiga daerah, kami mendapati banyak hal yang dikemukakan sama ada dalam bentuk pertanyaan, saranan atau cadangan.

"Alhamdulillah semua itu kami dengar dan catatkan sebagai maklum membantu kami dalam memperbaiki mutu perkhidmatan. Sambil itu kami juga telah membentangkan program dan strategi perkhidmatan agama yang diamanahkan kepada kami itu dan memperjelaskan jika terdapat kekeliruan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata maka dengan itu, berhasillah tujuan Sesi-sesi Dialog di ketiga-tiga daerah sebelum ini dan insyaaAllah akan sedemikian juga di Daerah Belait pada hari ini.

Sesi diteruskan dengan taklimat dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim yang juga



menyampaikan mengenai perkhidmatan - perkhidmatan agama di bawah KHEU. Pada penghujung Sesi Dialog diadakan sesi soal jawab.

Turut hadir pada sesi dialog tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta di Daerah Belait yang terlibat dalam pembangunan komuniti, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta para pemimpin belia dan wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang aktif dalam bidang sosial, dakwah dan pembangunan masyarakat di daerah berkenaan.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri

Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan di bawah kementerian berkenaan.

Sesi Dialog tersebut dihasrat menjadi wadah yang signifikan bagi memperkukuh komunikasi dan jaringan kerjasama strategik dua hala antara kerajaan dan pemimpin akar umbi dan pihak berkepentingan, selain menjadi landasan penting dalam memperhalusi isu serta keperluan masyarakat berkaitan perkhidmatan agama, seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh, progresif dan mampan di NBD.



MUFTI KERAJAAN TERIMA KUNJUNGAN MUHIBAH

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Julai. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan muhibah daripada Pengetua merangkap Kadi Syar'ie Majlis Agama Islam Wilayah Yala, Selatan Thailand, Tuan Guru Haji Abdul Basit bin Haji Mahmud berserta rombongan seramai

empat orang.

Kunjungan tersebut berlangsung di Pejabat Yang Berhormat Pehin di Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, hari ini.

Dalam kunjungan tersebut, rombongan dari Yala ingin berkenalan bersama Yang Berhormat Mufti Kerajaan sambil ingin melihat dari dekat pendidikan dan kemajuan agama Islam di Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan muhibah daripada Pengetua merangkap Kadi Syar'ie Majlis Agama Islam Wilayah Yala, Selatan Thailand, Tuan Guru Haji Abdul Basit bin Haji Mahmud berserta rombongan seramai empat orang.

Mengukuhkan kerjasama sekuriti maritim, kepentingan keselamatan negara



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

BELAIT, Selasa, 29 Julai. - Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) telah dimeterai di Bangunan MPABD, Kuala Belait, hari ini.

MoU tersebut antara lain bertujuan bagi memantapkan lagi objektif bersama untuk mengukuhkan kerjasama dalam bidang yang berkaitan dengan sekuriti maritim dan kepentingan keselamatan negara melalui pendekatan Whole of Government.

Selain itu, MoU tersebut juga membolehkan penubuhan Pangkalan Marin Daerah Belait (PMDB) yang dianggotai oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Angkatan Bersenjata

Diraja Brunei (ABDB), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), dan Pusat Penyelaras Maritim Kebangsaan (PPMK).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN).

MoU ditandatangani oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad dan Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman.

Turut menandatangani selaku

saksi ialah Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, JPM, Awang Haji Ali Rahim bin Abdul Rahman, dan Penolong Ketua Eksekutif MPABD, Awang Fung Wai Chun.

Majlis turut dihadiri oleh Ahli-ahli JKN, pegawai-pegawai JPM, agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan serta MPABD, yang mencerminkan sokongan padu antara agensi terhadap kerjasama sekuriti maritim.

Acara diteruskan dengan lawatan ke bilik-bilik pejabat PMDB dan kawasan sekitarnya. Sejurus selepas majlis, rombongan yang diketuai Timbalan Pengerusi JKN dan Ahli-ahli JKN mengambil kesempatan melawat menara PPMK yang berkaitan dengan National Coastal Surveillance System yang terletak di Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait.



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara JPM dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (atas), manakala gambar kiri, tetamu kehormat semasa sesi bergambar ramai.

PENTARAMA MERIAHKAN PENTAS PERAYAAN DAERAH TEMBURONG



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TEMBURONG, Isnin, 28 Julai. - Pentas Perayaan Kawasan Dermaga, Pekan Bangar malam tadi dimeriahkan dengan Persembahan PENTARAMA sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Daerah Temburong menjadi daerah pertama penganjuran Persembahan PENTARAMA yang dikelola oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik dengan kerjasama Cawangan Penerangan

Daerah Temburong, Bahagian Cawangan Daerah.

PENTARAMA iaitu pentas, tari dan drama ialah salah satu kaedah yang digunakan oleh Jabatan Penerangan sejak 1988 untuk menyalurkan maklumat rasmi kepada orang ramai secara bersemuka melalui persembahan pentas.

Melalui program berbentuk *infotainment* tersebut, Jabatan Penerangan secara tidak langsung memberikan pendidikan dan perkongsian maklumat kepada pelbagai peringkat kelompok sasaran tentang nilai-nilai positif, kesedaran sivik dan semangat patriotisme, keagamaan, pendidikan dan perutusan atau mesej yang berkisar hal ehwal semasa negara, termasuk masalah sosial dalam kalangan masyarakat, seperti penyalahgunaan dadah, penyebaran berita palsu dan lain-lain.

SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Persembahan PENTARAMA (kiri), manakala gambar bawah kanan, nyanyian daripada artis-artis tanah air.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Walid bin Haji Matassan.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah selaku Pengerusi Persembahan PENTARAMA; Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku Timbalan Pengerusi Persembahan PENTARAMA; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Pemangku Penghulu Zon 1 dan Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar serta Pemangku Penghulu Zon 2, ketua-ketua kampung dan Pengerusi-pengerusi Bersama bagi Acara-acara Malam Keraian Daerah Temburong.

Persembahan dimulakan dengan Lagu Tema 'PENTARAMA' dan tarian daripada penari Arts and Culture Club, Cosmopolitan College dan diteruskan dengan nyanyian solo dan berkumpulan daripada artis-artis tanah air iaitu Rasyiqah, Dayat, Krunn dan Marsya Dania.

Kumpulan Pentas Insan Seni yang terdiri daripada pelakon-pelakon tempatan pula mempersembahkan drama bertajuk 'Medsos Melalaikan'.

Ia mengisahkan tentang ibu bapa yang terlalu sibuk dengan media sosial sehingga lalai dalam mengerjakan kewajipan agama, lupa akan adab sopan terhadap orang tua serta tanggungjawab mendidik anak. Akhirnya kerana kelalaian tersebut tanpa disedari anak mereka terjerumus dengan sindiket pengedaran dadah.

Para penonton juga dihiburkan dengan persembahan lawak jenaka daripada Najib dan Loh (BruHaha) yang membawakan mesej untuk sentiasa berwaspada ketika menggunakan media sosial bagi mengelakkan penipuan dalam talian.


Selain itu, turut diadakan ialah Kuiz PENTARAMA untuk para penonton, dan penyampaian hadiah kepada pemenang kuiz disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara diakhiri dengan

persembahan nyanyian oleh barisan artis dengan membawakan Lagu 'Dirgahayu'.

Persembahan PENTARAMA tersebut akan diteruskan lagi ke daerah-daerah lain, iaitu di Daerah Brunei dan Muara pada Rabu, 30 Julai 2025, di Pentas Perayaan, Kawasan Lapang berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja; manakala bagi Daerah Belait pada Sabtu, 2 Ogos 2025, di Pentas Perayaan, Kawasan Gerai Tudung Saji, Daerah Belait; dan diakhiri di Daerah Tutong, pada Ahad, 3 Ogos 2025 berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan persembahan PENTARAMA bagi sama-sama memeriahkan lagi Pentas Perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir pada pelancaran program Minggu Pelajar Baharu (Freshers Week).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Isnin, 28 Julai. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menerima seramai 795 pelajar baharu bagi pengambilan Ogos 2025, terdiri daripada 510 pelajar peringkat ijazah pertama (*undergraduate*), 124 pelajar peringkat Sarjana, 19 pelajar PhD, 133 pelajar UniBridge dan sembilan pelajar bukan pengijazahan (*non-graduating*).

Sehubungan itu, UBD melancarkan program Minggu Pelajar Baharu (Freshers Week) yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar dan sukarelawan pelajar.

Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dalam Ucapan Khas menggalakkan para pelajar untuk

menghayati nilai teras universiti, berusaha mencapai kecemerlangan akademik serta menjunjung falsafah kebangsaan Melayu Islam Beraja (MIB).

Beliau menasihatkan para pelajar baharu agar mencipta kisah mereka sendiri dan menjadi arkitek kepada naratif kehidupan masing-masing dengan mengenal pasti kemahiran yang ingin dibangunkan serta impak yang ingin dicapai.

Beliau turut menggalakkan para pelajar untuk bersedia menghadapi cabaran dan ketidaktentuan hidup kerana kehidupan sering kali dipenuhi dengan perkara yang tidak dijangka.

Beliau menegaskan bahawa setiap individu memiliki keupayaan untuk menyesuaikan diri dan terus maju.

Dr. Hazri menekankan bahawa

UBD raikan 795 pelajar baharu

cara terbaik untuk memperoleh sesuatu yang benar-benar bermakna daripada pengalaman di universiti adalah dengan menyumbang secara aktif.

Ini boleh merangkumi usaha memulakan inisiatif untuk mencari penyelesaian dunia sebenar bagi masyarakat kampung, komuniti atau industri tempatan.

Ia juga boleh dilakukan dengan meluangkan masa untuk kerja-kerja kemasyarakatan, membimbing pelajar junior atau menjadi rakan yang sentiasa menyokong rakan sebaya.

Beliau menegaskan bahawa sumbangan yang diberikan mampu memberi impak positif kepada kehidupan masyarakat, sekali gus menjadikan para pelajar lebih berguna kepada negara dan rakyat, sambil memperkayakan lagi perjalanan mereka di UBD.

Naib Canselor UBD turut menyentuh mengenai Kecerdasan Buatan (AI) yang kini dimanfaatkan oleh UBD sebagai alat berkuasa untuk mempertingkatkan proses pembelajaran dan penyelidikan.

Beliau mengingatkan para pelajar agar tidak terlalu bergantung kepada Model Bahasa Besar (Large Language Models) seperti ChatGPT khususnya bagi tugas yang memerlukan para pelajar untuk berfikir.

Beliau juga mengongsikan kajian daripada Massachusetts Institute of Technology (MIT) dan Universiti Harvard yang menunjukkan bahawa ketergantungan ini boleh menyebabkan penurunan ketara dalam aktiviti otak serta

melemahkan kesalinghubungan neural khususnya dalam bahagian yang berkaitan dengan pemikiran kritikal dan daya ingatan.

AI, katanya, wajar dimanfaatkan untuk menguruskan tugas yang berulang, manakala keupayaan kognitif para pelajar perlu ditumpukan kepada tugas-tugas yang lebih kompleks, kreatif dan kritikal.

Oleh itu, beliau menyarankan agar para pelajar melakukan usaha sendiri untuk membina ketahanan mental dan kekuatan intelektual yang diperlukan bagi terus maju dalam dunia yang sentiasa berubah.

Majlis terdahulu dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan bacaan ayat suci Al-Quran yang dipimpin pelajar ijazah pertama program Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Reka Bentuk dan Industri Kreatif (DCI) dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Mohammad Azhar bin Haji Mohammad Khir.

Kemudian diteruskan dengan lafaz ikrar oleh para pelajar baharu sebagai simbol komitmen mereka untuk menjunjung nilai dan integriti akademik UBD yang dipimpin oleh pelajar ijazah pertama program Sarjana Muda Sains dalam Matematik dari Fakulti Sains (FOS), Muhammad Abi Nubli Dzil Ikram Mohamad Subhi.

Sejurus itu disusuli dengan nyanyian Lagu Rasmi UBD, Mendepan Bersama, sebagai tanda bermulanya Minggu Pelajar Baharu universiti tersebut.

Sepanjang program orientasi

selama lima hari, para pelajar menyertai pelbagai aktiviti yang bersifat informatif dan interaktif yang direka untuk memperkenalkan mereka kepada perkhidmatan universiti, jangkauan akademik, dan kehidupan sebagai pelajar.

Ini termasuk Kenali UBDku iaitu sesi orientasi interaktif dan lawatan kampus yang bertujuan untuk membiasakan pelajar dengan lokasi utama, pejabat dan perkhidmatan di dalam kampus UBD.

PMUBD Showcase pula memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan organisasi, kelab kreatif, kumpulan sukarelawan dan pasukan sukan yang dikendalikan oleh pelajar.

Program ini turut menekankan komitmen UBD terhadap kelestarian, pemerksaan pelajar serta matlamat yang digariskan dalam Pelan Strategik UBD 2025.

Para pelajar juga diperkenalkan kepada perkhidmatan penting seperti sokongan kesihatan mental dan kaunseling, nasihat akademik serta sesi pembangunan rohani seperti Quranic Journey yang diadakan setiap minggu.

Minggu Pelajar Baharu memberi peluang yang berharga bagi pelajar baharu untuk melibatkan diri secara aktif dalam kehidupan kampus di UBD.

Untuk maklumat lanjut mengenai acara akan datang atau sumber pelajar, orang ramai boleh mengunjungi laman sesawang rasmi UBD atau laman media sosial Instagram di @ubdbuzz @studentaffairsubd.

PENGGUNAAN AI DALAM PENDIDIKAN SECARA BERETIKA, BERPUSATKAN MANUSIA



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan berucap pada Majlis Perasmian Simposium Sains Tahun 2025.

(STEAM) - STEAM Guidebook 2021 menyokong sekolah rendah untuk mengamalkan pembelajaran berasaskan projek dan *inquiry* merentasi subjek STEAM, iaitu menggalakkan kreativiti dan penerokaan dalam sains.

Sementara itu tambahnya, Digital Citizenship Framework and Handbook yang dilancarkan semasa Konvensyen Pelajar Sekolah 2024, mengintegrasikan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) dalam penggunaan teknologi secara selamat, bertanggungjawab dan kreatif di sekolah-sekolah.

"Kami turut mengakui wujudnya cabaran seperti kekangan sumber, kemahiran pedagogi yang terus berkembang serta keperluan integrasi AI yang beretika.

"Namun, Konsensus Beijing UNESCO 2019 yang disokong oleh lebih 50 menteri pendidikan, dengan jelas menyatakan bahawa AI harus memperkasa bukan menggantikan para pendidik," jelasnya lagi.

Selaras dengan itu katanya, AI Competency Frameworks UNESCO 2024 juga menjadi panduan kepada penggunaan AI dalam pendidikan secara beretika dan berpusatkan manusia dalam pengajaran dan pembelajaran.

"Maka itu, para guru kekal tidak dapat digantikan, malah kini dilengkapi dengan alat yang dapat memperluas kesan dan keberkesanan gaya pengajaran.

"Justeru segala usaha yang dilakukan hari ini membentuk generasi masa depan pelajar yang berakar pada budaya, yakin dalam pencarian ilmu, dan terinspirasi untuk berinovasi.

"Inilah warisan yang kita bina bersama," ujarnya lagi.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pengurusan Pendidik, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah, selaku Pengerusi Simposium dan disusuli dengan ucapan bertajuk 'Little Scientists, Local Wisdom : Ethnoscience and STEAM for Brunei's Classrooms', yang disampaikan oleh Penolong Profesor dan Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian dari Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Roslinawati binti Mohd. Roslan.

Penceramah dalam ucapamannya menekankan, peranan Guru Sains sekolah rendah sebagai pemacu rasa ingin tahu dan kesinambungan budaya serta pelaksanaan pendidikan STEAM yang berpandangan ke hadapan dan berteraskan nilai-nilai budaya tempatan, sejajar dengan aspirasi pembangunan negara seperti Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) dan Wawasan Brunei 2035.

Konsep etnosains terangnya, iaitu tradisi tempatan, amalan komuniti dan kebijaksanaan pribumi, diketengahkan sebagai titik permulaan yang berkesan untuk pembelajaran STEAM.

Melalui strategi praktikal dan amalan bilik darjah jelasnya lagi, menggalakkan para guru untuk mengintegrasikan konteks NBD dalam pengajaran Sains agar lebih bermakna, menyeronokkan dan relevan.

Pada akhir ucapamannya, para pendidik diberi inspirasi untuk membimbing 'saintis kecil' yang bukan sahaja berdaya saing di peringkat global, malah teguh jati dirinya serta berakar kukuh pada identiti tempatan.

Simposium yang dianjurkan oleh Unit Tenaga Pengajar, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy - BDLTA), Jabatan Pengurusan Pendidik tersebut dihadiri oleh seramai 230 peserta dan tetamu yang terdiri daripada Guru-guru Sains daripada semua sekolah rendah kerajaan.

Dengan tema 'Beyond the Classroom: Integrating Technology and Real-World Applications in Primary Science Education', simposium tersebut bertujuan untuk melangkaui peningkatan pengajaran berasaskan teknologi kepada transformasi pembelajaran yang autentik dan berteraskan amalan saintifik.

Selain itu, simposium tersebut diharap dapat memupuk ekosistem profesional yang bersifat kolaboratif bagi menyokong integrasi teknologi dan penerapan aplikasi dunia sebenar dalam pendidikan Sains sekolah rendah secara berkesan.

Sesi diakhiri dengan bengkel bertajuk 'Making Primary Science Relevant : Technology and Real-World Connections', yang

**Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad**

dikendalikan oleh Pegawai Pendidikan Kanan, Sekolah Menengah Awang Semaun, Dr. Haji Sahrnizam bin Haji Kasah.

Manakala, sesi petang diteruskan dengan bengkel oleh Pegawai Pendidikan Kanan, Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin, Awang Harrisman Ashady bin Haji Ali bertajuk 'Integrating AI into Primary Science Teaching and Assessment : A Framework for Authentic, Aligned Learning', yang memperkenalkan satu kerangka kerja praktikal untuk pengintegrasian AI dalam pengajaran dan penilaian Sains sekolah rendah.

Simposium diakhiri dengan ucapan penutup oleh Pemangku Ketua BDLTA, Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Ade Shahren bin Haji Suhaili.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta tenaga pengajar Kementerian Pendidikan.



ANTARA yang menghadiri Simposium Sains Tahun 2025.

Awangku Aisy Athallah berlepas ke Jepun



**Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

BERAKAS, Selasa, 29 Julai. - Seorang pelajar bersama seorang pegawai pengiring berlepas meninggalkan negara petang tadi bagi menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah The International Event Mitsubishi Asian Children's Enikki Festa 2024-2025 yang akan diadakan di The Expo 2025, Osaka, Kansai, Jepun.

Pelajar yang terlibat ialah Awangku Aisy Athallah bin Pengiran Mohd. Irwana Termizan, Tahun 5 dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah dan diiringi oleh Pegawai Pelajaran dari Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Muhammad Menghindrawardi bin Haji Naim sebagai pegawai pengiring.

Hadir di Ruang Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat.

Sebanyak 24 negara di rantau Asia telah dijemput untuk menyertai Festa 2024-2025, yang bertemakan 'Here is My Life'.

Negara Brunei Darussalam mencatat penyertaan seramai 267



PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat hadir di Ruang Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Awangku Aisy Athallah bin Pengiran Mohd. Irwana Termizan yang berlepas meninggalkan negara bagi menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah The International Event Mitsubishi Asian Children's Enikki Festa 2024-2025 (atas kiri dan atas).

pelajar dalam pertandingan ini, yang bertujuan untuk memberikan peluang kepada kanak-kanak di seluruh dunia untuk memahami cara kehidupan seharian masyarakat Asia menerusi penghasilan Diari Bergambar.

Mitsubishi Asian Children's Enikki Festa adalah merupakan sebuah pertandingan anjuran Mitsubishi Public Affairs Committee Asian Pacific Federation of

UNESCO Clubs and Associations National Federation of UNESCO Associations in Japan dengan kerjasama Mitsubishi Asian Children's Enikki Festa Executive Committee setiap negara dan rantau yang mengambil bahagian dan disokong oleh UNESCO; Ministry of Foreign Affairs of Japan; dan Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology, Japan.

Membaca al-Qur'an Dengan Melihat Mushaf Atau Melalui Hafazan : Mana Lebih Afdhal?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMBACA al-Qur'an merupakan satu ibadah yang mendatangkan banyak kelebihan serta pahala yang besar. Antara kelebihan membaca al-Qur'an ialah al-Qur'an akan datang kepada pembacanya pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada pembacanya. Setiap huruf al-Qur'an yang dibaca itu pula diberikan ganjaran satu kebaikan. Satu kebaikan pula digandakan menjadi sepuluh kebaikan.

Sebahagian orang cenderung membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf al-Qur'an. Ada pula orang yang cenderung membaca al-Qur'an secara hafazan sahaja. Membaca al-Qur'an dengan apa cara sekalipun, sama ada dengan melihat mushaf al-Qur'an ataupun dengan cara hafazan, kesemuanya adalah diharuskan dan akan mendatangkan pahala membaca al-Qur'an kepada pembacanya.

Namun satu perkara mengenai amalan membaca al-Qur'an ini, yang mungkin belum diketahui oleh sebilangan orang ialah melihat mushaf al-Qur'an ketika membacanya adalah satu ibadah yang dituntut dan mendatangkan pahala.

Membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf al-Qur'an adalah afdhal daripada membacanya tanpa melihatnya. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *at-Tibyan Fi Adab Hamalah al-Qur'an* berkata :

Ertinya : *Membaca al-Qur'an dari mushaf adalah afdhal berbanding membaca (al-Qur'an) dari hafazan kerana melihat mushaf (itu sendiri) merupakan satu ibadah yang dituntut. Maka terhimpunlah (dengan membaca al-Qur'an dari mushaf itu) perbuatan membaca dan melihat (mushaf al-Qur'an). Demikianlah yang disebut oleh al-Qadhi Hussain dari golongan kami (ulama asy-Syafi'iyah) dan Abu Hamid al-Ghazali serta beberapa kumpulan daripada ulama salaf.*

Bahkan dalam atsar-atsar banyak disebut bahawa perbuatan membaca al-Qur'an dari mushaf al-Qur'an ini

digalakkan dan dilakukan sendiri oleh ramai dari kalangan para sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Perbuatan serta kata-kata para sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ini dijadikan sandaran oleh para ulama sebagai dalil bahawa membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf itu adalah afdhal berbanding membacanya daripada hafazan. Antara atsar-atsar tersebut ialah kata-kata Ibn Mas'ud *Radhiallahu 'anhu* yang diriwayatkan oleh Imam Abdurrazzaq *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Mushannaf* :

Maksudnya : *Sentiasalah kamu melihat pada mushaf.*

Imam Abu 'Ubaid *Rahimahullah* meriwayatkan dalam kitabnya *Fadha'il al-Qur'an* bahawa apabila sanak saudara Ibn Mas'ud *Radhiallahu 'anhu* berhimpun bersamanya, mereka akan membuka mushaf al-Qur'an dan membacanya dan Ibn Mas'ud *Radhiallahu 'anhu* pula akan menafsirkan ayat-ayat bacaan mereka itu untuk mereka.

Imam al-Ghazali *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya *Ihya' Ulumiddin* :

Ertinya : *Utsman Radhiallahu 'anhu telah terkoyak dua mushaf disebabkan beliau banyak membaca daripada keduanya. Bahawasanya ramai daripada kalangan para sahabat membaca (al-Qur'an) dari mushaf-mushaf dan mereka tidak suka suatu hari itu berlalu tanpa mereka melihat mushaf.*

Atsar-atsar yang dinyatakan di atas juga ada disebut oleh Imam Ibn Katsir

Rahimahullah dalam kitabnya *Fadha'il al-Qur'an*. Menurut beliau, atsar-atsar tersebut menunjukkan bahawa membaca al-Qur'an daripada mushaf itu adalah satu perkara yang dituntut supaya al-Qur'an tidak terabai akibat tidak dibaca. Selain itu, menurut Imam Ibn Katsir *Rahimahullah* lagi, membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf juga dapat memperbetulkan kesalahan yang ada pada hafazan seseorang dan mengingatkannya kembali ayat-ayat al-Qur'an yang terlupa.

Selain mendapat pahala membaca dan melihat mushaf al-Qur'an, orang yang membaca al-Qur'an dari mushaf juga mendapat pahala memegang dan menyentuh al-Qur'an. Imam al-Ghazali *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya *Ihya' Ulumiddin* :

Ertinya : *Membaca al-Qur'an dari mushaf adalah afdhal (berbanding membaca tanpa melihatnya) kerana melihat mushaf itu menambah amal, (begitu juga perbuatan) menghayati (maksud ayat yang dibacanya dari) mushaf serta (perbuatan) membawanya, maka bertambahlah pahala atas sebab yang demikian.*

Walau bagaimanapun, dari segi kekhushyukan membaca al-Qur'an, menurut para ulama, sekiranya seseorang itu lebih kekhushyukannya serta bertambah hadir hati dan penghayatannya terhadap ayat-ayat yang dibacanya ketika membaca al-Qur'an dengan cara hafazan, maka membaca al-Qur'an secara hafazan bagi orang tersebut adalah afdhal. Sebaliknya,



IRSYAD HUKUM

جائز مفي كل جان
جان زمان مني كل يوم والحمد لله

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

jika seseorang itu lebih kekhushyukannya serta bertambah hadir hati dan penghayatannya terhadap ayat-ayat yang dibacanya dengan membaca al-Qur'an secara melihat mushaf, maka membaca al-Qur'an secara melihat mushaf bagi orang itu adalah afdhal. Sekiranya tahap kekhushyukan, hadir hati serta penghayatan terhadap ayat-ayat yang dibacanya sama sahaja di antara membaca al-Qur'an secara hafazan dengan membacanya secara melihat mushaf, maka dalam hal ini membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf adalah lebih utama. Hal ini kerana membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf lebih terpelihara daripada kesalahan dan ia mempunyai keistimewaan yang tidak ada pada bacaan dengan cara hafazan iaitu keistimewaan melihat kepada mushaf al-Qur'an yang merupakan satu ibadah yang tersendiri. Maka dengan membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf itu terhimpun padanya dua ibadah.

Demikian penjelasan mengenai kelebihan membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf al-Qur'an. Berdasarkan apa yang dijelaskan oleh para ulama, amalan membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf al-Qur'an bukan sahaja mendatangkan pahala membaca al-Qur'an tetapi juga pahala melihat mushaf al-Qur'an kerana perbuatan melihat mushaf al-Qur'an itu sendiri merupakan ibadah yang mendatangkan pahala. Bahkan, dengan memegang dan menyentuh al-Qur'an juga mendatangkan pahala.

NAMUN satu perkara mengenai amalan membaca al-Qur'an ini, yang mungkin belum diketahui oleh sebilangan orang ialah melihat mushaf al-Qur'an ketika membacanya adalah satu ibadah yang dituntut dan mendatangkan pahala. Membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf al-Qur'an adalah afdhal daripada membacanya tanpa melihatnya.

منوجو كرىضائن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

SABAR merupakan perkataan yang sering kita dengar dalam kehidupan seharian, akan tetapi tahukah kita bahawa ia adalah perkataan yang mudah diungkap tetapi susah untuk dilaksanakan melainkan mereka yang benar-benar mempraktikkan nilai kesabaran dalam diri masing-masing.

Sabar adalah merupakan satu kewajipan dan ada disebut dalam beberapa ayat Al-Quran antaranya firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 45 yang mafhumnya :

"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah atas segala urusan kamu) dengan kesabaran dan mendirikan sembahyang..."

Sabar membawa maksud menahan atau meninggalkan. Setiap orang tidak terlepas daripada nikmat dan cubaan dalam kehidupan mereka. Sabar adalah satu sifat yang sangat penting dalam kehidupan kita. Sabar bukan sahaja memberikan ketenangan jiwa tetapi juga membawa banyak kelebihan dan manfaat dari sudut

Kelebihan sabar

agama dan kehidupan harian. Antara kelebihan sifat sabar ialah :

Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa bersama dengan orang yang bersabar. Dalam Surah Al-Baqarah, ayat 153, Allah berfirman yang mafhumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (kepada Allah Subhanahu Wata'ala) dengan bersabar dan mendirikan sembahyang kerana sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar".

Orang-orang Mukmin yang sentiasa mengamalkan sifat sabar dalam kehidupan mereka sehari-hari mereka akan memperoleh rahmat dan pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, lebih-lebih lagi ketika menghadapi ujian, dugaan dan musibah yang berbentuk kesusahan, kesakitan dan sebagainya seperti mana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155 yang mafhumnya :

"Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau

tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar".

Firman Allah lagi dalam Surah Al-Baqarah, ayat 156-157 yang mafhumnya :

"Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah mereka berkata : "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali". Mereka itulah orang yang mendapat keampunan daripada Tuhan mereka dan mendapat rahmat-Nya dan mereka itulah orang-orang yang mendapat hidayah".

Selain itu, orang-orang yang sabar juga akan mendapat berbagai ganjaran yang lain daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan tidak terhitung banyaknya seperti mana firman-Nya dalam Surah Az-Zumar, ayat 10 yang mafhumnya :

"...Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabar sahaja akan disempurnakan pahala mereka tanpa batasan".

Firman-Nya lagi dalam Surah Al-Qashash, ayat 54 yang mafhumnya :

"Mereka akan diberi pahala dua kali (kerana beriman kepada Taurat dan Al-Quran) disebabkan kesabaran mereka dan (juga kerana) mereka menolak

kejahatan dengan kebaikan dan membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka".

Sesungguhnya sabar merupakan salah satu sifat yang paling terpuji menurut agama Islam dan merupakan senjata paling penting dalam menghadapi pelbagai ujian, bencana dan kesusahan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 200 yang mafhumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan), kuatkanlah kesabaran kamu (dalam menghadapi orang-orang kafir) dan bersiap sedia (dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu) serta bertakwalah kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)".

Kesimpulannya, sifat sabar membawa banyak kebaikan dan kelebihan dalam kehidupan kita. Ia bukan sahaja mendekatkan kita kepada Allah tetapi juga membantu kita menjadi individu yang lebih kuat dan tenang. Jadi, mari kita berusaha untuk sentiasa bersabar dalam setiap situasi, kerana ganjarannya sangat besar, baik di dunia mahupun di akhirat.

Semoga kita semua diberikan kekuatan untuk terus bersabar dan istiqamah dalam menjalani kehidupan seharian.

PUPUK KESEDARAN MASYARAKAT KESAN BURUK PENGGUNAAN TEMBAKAU



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video TikTok Anti-Tembakau.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Isnin, 28 Julai. - Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video TikTok Anti-Tembakau yang merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya para belia tentang taktik bahaya yang digunakan oleh industri tembakau. Pertandingan dibahagikan

kepada dua kategori iaitu Pertandingan Video Pendek TikTok dengan tempoh maksimum 90 saat yang telah berlangsung dari 5 Mei hingga 8 Jun 2025, dan pertandingan 'Like and Share' TikTok yang telah diadakan dari 1 hingga 8 Julai 2025 melalui akaun rasmi TikTok Kementerian Kesihatan @mohbrunei.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang

ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian hadiah kepada pemenang - pemenang Pertandingan Video Tiktok dan 'Like dan Share'.

Bagi Kategori Video Pendek seramai dua pemenang diumumkan yang masing-masing memenangi hadiah wang tunai

utama BND2,000 setiap seorang yang dimenangi oleh Awang Aiman bin Rosli dari Syarikat AR Filem dan Dayangku Noorhasyimah Nadrah @Dayangku Arina binti Pengiran Ahmad mewakili Project Rataie.

Seterusnya penyampaian hadiah kepada tiga pemenang Pertandingan Kategori 'Like dan Share' yang dimenangi oleh Dayangku Noorhasyimah Nadrah @Dayangku Arina binti Pengiran Ahmad (Project Rataie); Awang Abdul Khahir Zainidi; dan Awang Mohd. Bazli Rafie Wafiuddin bin Haji Saifol Bahrin yang

masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak BND500 setiap seorang.

Objektif pertandingan adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap strategi pemasaran industri tembakau dan nikotin yang memperdaya orang ramai dengan memaparkan produk mereka sebagai selamat atau bergaya seterusnya mencetuskan persepsi salah dalam kalangan orang ramai.

Selain itu, menekankan kesan buruk penggunaan tembakau termasuk vape, khususnya dalam kalangan golongan belia, dan mempromosikan perkhidmatan berhenti merokok dan vape yang disediakan oleh kementerian seperti Klinik Berhenti Merokok.

Sebagai kesinambungan dan usaha berterusan bagi memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat, tayangan video bagi dua pemenang utama akan ditayangkan di sebuah pawagam terpilih sebagai aktiviti akan datang.

Kementerian Kesihatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta atas kreativiti dan komitmen mereka dalam menyokong usaha-usaha anti-tembakau dan anti-nikotin serta membantu menyebarkan mesej kesihatan awam yang berkesan kepada masyarakat.

Majlis turut dihadiri dari kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Pusat Promosi Kesihatan beserta pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan.



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengadakan Majlis Amanat & Ikrar Pelajar-Pelajar Tahun 1, UNISSA Sesi Pengajian 2025 / 2026 (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Isnin, 28 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) hari ini mengadakan Majlis Amanat & Ikrar Pelajar-pelajar Tahun 1, UNISSA Sesi Pengajian 2025 / 2026 sebagai bermulanya Minggu Ta'aruf di Dewan Auditorium, UNISSA.

Bagi Sesi Tahun 2025/2026 adalah seramai 567 orang iaitu 481 pelajar dalam program Prasiswazah; dan 86 orang pelajar dalam program siswazah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad, yang turut menyampaikan ucapan amanat dan seterusnya

merasmikan Minggu Ta'aruf Sesi Pengajian 2025/2026.

Dalam ucapannya, Pemangku Rektor UNISSA mengetengahkan mengenai landskap pendidikan yang berubah dengan sangat pantas seiring kemajuan teknologi terutama sekali teknologi digital seperti Kecerdasan Buatan (AI), jadi adalah penting bagi pelajar untuk memanfaatkan teknologi ini secara beretika, bertanggungjawab dan tidak lupa nilai usaha serta integriti dalam pembelajaran.

Dalam amanatnya juga, Pemangku Rektor turut berpesan sebagai pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi Islam tulen untuk menghormati dan mematuhi peraturan universiti sebagai

peneraju masa depan negara. Akhlak, adab dan etika adalah teras kepada seorang pelajar untuk memiliki ilmu yang berkat dan bermanfaat.

Pada akhir ucapan beliau menasihatkan adalah tanggungjawab para pelajar untuk menampilkan identiti UNISSA di mana pun berada. Hormati ilmu dan muliakan para pensyarah agar ilmu yang dipelajari akan mendapat barakah.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Dekan Pelajar UNISSA, Dr. Haji Supri bin Haji Sudin, selaku Pengerusi Majlis.

Minggu Ta'aruf tahun ini diadakan selama lima hari dengan beberapa pengisian program

bermanfaat yang bertujuan untuk memperkenalkan pelajar baharu dengan aspek-aspek penting kehidupan sebagai seorang pelajar di UNISSA.

Antaranya ialah menghayati hidup beragama, sahsiah yang cemerlang, kepimpinan dan kemasyarakatan.

Taklimat induksi yang diberikan termasuk berkenaan proses akademik, program pengajian, kursus-kursus wajib universiti, serta berkenaan kemudahan-kemudahan pembelajaran dan program kokurikulum yang disediakan untuk pelajar.

Selain itu, pelajar juga akan mengikuti pelbagai aktiviti keagamaan, motivasi, kesihatan

mental, kepimpinan dan kemasyarakatan untuk pembangunan jati diri.

Program khidmat masyarakat pada tahun ini akan mengambil tempat di pelbagai tempat di Daerah Brunei Muara, Tutong dan Belait.

Majlis diakhiri dengan bacaan ikrar pelajar baharu diketuai oleh Muhammad Khairul Aiman Akmal@Yusoff Almahdi bin Haji Rusli, mahasiswa daripada Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam.

Majlis juga turut dihadiri oleh penolong - penolong rektor, pegawai-pegawai utama UNISSA, pegawai dan kakitangan UNISSA.

UNISSA rasmikan Minggu Ta'aruf



دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّذَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ
سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنَحَّلُ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفِرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَىٰ
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِعَاذِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاعْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas
(II & III Sahaja)

Kategori
[M03 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
12 Ogos 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
26 Ogos 2025
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 026 / 2025

Nama Projek:
Membekal, Menghantar Dan
Memasang Motor Dan Peralatan
Pam Sg. Burong No. 4, Loji
Rawatan Air Layong

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
RTB / K / 50 / 25 – 26
CHEF MUDA 3

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
6 Ogos 2025.
jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
III Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
12 Ogos 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
26 Ogos 2025
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 027 / 2025

Nama Projek:
Cerun Runtuh Di Sepanjang Bahu
Jalan – Jalan Melilas Km 7.1,
Mukim Melilas, Daerah Belait.

No. Projek:
2025ADKB / KEW-01

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / JKSH / BTI / 02 /
2025-2026

Tajuk Sebut Harga:
The Supply And Delivery Of Ms
Surface Pro For The Ministry Of
Primary Resources And Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
28 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
23 Julai 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
12 Ogos 2025.

Tidak Lewat Dari Jam
3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Ogos 2025.
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRC 13 / 2025

Nama Projek:
Pembinaan R.C. SLAB
Untuk Kawasan Dalam
Scrapyard,
Bahagian Mekanikal,
Sinarubai,
Jabatan Kerja Raya – Fasa V

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN**

Bilangan Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 02-07 /
2025-2026
12 Months Term Contract For
Electrical Maintenance At Kolej
Universiti Perguruan Ugama Seri
Begawan

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
III Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
12 Ogos 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
26 Ogos 2025
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 028 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Jalan
Raya Di Sepanjang Jalan
Sungai Pandan
(Diantara Persimpangan Pandan
Lima Dan Pandan Satu),
Daerah Belait.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-001-004

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(11) KHEU.PDI (UPP) 900-002 /
(1) / 02 JILID 3
Mencetak Takwim Tahun Masihi
2026 Dan Diari Kementerian Hal
Ehwal Ugama 1447-1448H /
2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
26 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**Iklan
Tarikh Lanjutan**

Tawaran:
JPH / 2113 / TAW / 398 /
2025-2026
Event Management Services For
Ekspo Sumber-Sumber Utama
Dan Pelancongan 2025

**Borang Pendaftaran
Syarikat
(jika belum berdaftar):**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Borang Tawaran:
BND15.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
26 Ogos 2025.

Sesi Taklimat:
Selasa,
9 Ogos 2025.
9.00 Pagi.

Tempat:
Bilik Mesyuarat Rimbawan,
Tingkat 2,
Jabatan Perhutanan,
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan



**PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHVAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(1) NDMC / TSH / 2025-2026
Relocation Of Disaster
Logistics Storage (DLOGS)
Sungai Mau, DDMC Belait To
Sungai Mau Multipurpose Hall,
Kampung Sungai Mau

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(2) NDMC / TSH / 2025-2026
To Supply, Delivery And Install
For DDMC Belait Boat Shed At
Kampung Sukang

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(3) NDMC / TSH / 2025-2026
Relocation Of Disaster
Logistics Storage (DLOGS)
Sukang,
DDMC Belait To Sungai Mau
Multipurpose Hall,
Kampung Sungai Mau

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Rabu
27 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.





UNIVERSITI TEKNOLOGI
BRUNEI

Bilangan Tawaran:
TUTB / LELONG / 2025 – 2026 / 01

Keterangan:
39 Buah CPU Pelbagai Jenis

Bertempat:
Bilik Penyimpanan CEB-L3.02
(Tutorial Room 9)

Tarikh Mula:
22 Julai 2025
(Selasa)

**Tarikh Melihat,
Mengambil Dan Menghantar
Borang Tawaran (Waktu
Bekerja):**
22 Julai 2025.
(Selasa)
Hingga 5 Ogos 2025 (Selasa)

Isnin Hingga Khamis:
8.30 Pagi Hingga 11.30 Pagi
1.30 Petang Hingga 3.00 Petang

Sabtu:
8.30 Pagi Hingga 10.30 Pagi
1.30 Petang Hingga 3.00 Petang

**Tarikh Menghantar Borang
Tawaran Ke Dalam Peti Tawaran:**
5 Ogos 2025
Sebelum Jam
12.00 Tengah Hari (Selasa)
(Membuka Peti Tawaran)



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Buka Tawaran pada:
16 Julai 2025
Rabu.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran:**
12 Ogos 2025
Selasa

Tarikh Tutup Pada:
21 Oktober 2025, Selasa,
Sebelum Jam 2.00 Petang.

JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025
Invest, Design, Develop And Operate
Waste To Energy Facility In Brunei
Darussalam.

No. Projek:
JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND500.00
(Non Refundable)



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
RTB / K / 69 / 25 - 26 –
Supply And Delivery Of Stage
Entertainment Equipment For
Studio 4

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
RTB / K / 70 / 25 - 26 –
Supply And Delivery Of
Broadcast Equipment
And Accessories For ENG And
EFP

Bayaran Yuran:
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
6 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan Tajuk Tawaran
To Supply And Repair Of Components
At Sweeper Truck BG 4903,
Department Of Civil Aviation.
AME / 2025-2026 / SH-40

Bilangan dan Tajuk Tawaran
To Repair Rear Bucket
For Pick Up BG 8842,
Department Of
Civil Aviation
AME / 2025-2026 / SH-41

Bilangan dan Tajuk Tawaran
General Servicing For
Aircraft Recovery Equipment (ARE)
AME / 2025-2026 / SH-42

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen
Sebut Harga:**
16 Julai 2025.
Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
5 Ogos 2025.
Selasa.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
6 Ogos 2025.
Rabu.

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN

**Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**
KUPU SB / JKS / PE / 02-05 /
2025-2026
12 Months Contract for Grass
Cutting and Landscaping
Maintenance Works at
Kolej Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan

**Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**
KUPU SB / JKS / PE / 01-07 /
2025-2026
12 Months Term Contract for
Operation and Maintenance Work
of Air-Conditioning System at
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

**Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**
KUPU SB / JKS / PMT / 01-07 /
2025-2026



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Tutup:
26 Ogos 2025.
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 022 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Kerja-Kerja Pembaikan
Paip-Paip Dan Lurang
Pembetulan Di Kawasan
Kuala Belait Bagi Tempoh 24
Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-009

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 026 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Pembaikan Paip-Paip Dan Lurang
Pembetulan Di Kawasan Seria
Dan Lumut Bagi Tempoh 24
Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-011

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



To Supply, Delivery, Install and
Testing of Rental Photocopy
Machine and Other Things
Deemed Necessary at Kolej
Universiti Perguruan Ugama Seri
Begawan – 2 Years Term Contract

**Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**
KUPU SB / JKS / PBD / 01-07 /
2025-2026
Membekal Jamuan Makan Dan
Minum Mesyuarat / Majlis-Majlis /
Lawatan Bagi Kolej Universiti
Perguruan Ugama Seri Begawan
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PBDT / 01-07 /
2025-2026
Membekal Jamuan Makan Dan
Minum Seminar / Aktiviti Bagi
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan Bagi
Tempoh Satu (01) Tahun

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PBDT / 02-07 /
2025-2026
Menghantar Dan Membekal
Tudung Serta Menjahit Turus
Tudung Sempena Majlis
Konvokesyen Kolej Universiti

**Dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong
yang berdaftar
di dalam**

Kelas:
II & III sahaja

Kategori :
KA01 / KPB12 / S07

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
23 Julai 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
12 Ogos 2025.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / BBA 11 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Serta Merta
Bagi Membersih
Pokok-Pokok Dan
Tumbuhan Liar
Di Sepanjang Jambatan Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddin
(SHOAS) –
Hala Brunei-Muara
BM26.2KM Sehingga BM15.0KM

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / BBA 12 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Seta Merta
Bagi Membersih Pokok-Pokok
Dan Tumbuhan Liar Di
Sepanjang Jambatan
Sultan Haji Omar
'Ali Saifuddin (SHOAS) –
Hala Temburong
T11.8KM Sehingga T0.4KM

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Perguruan Ugama Seri Begawan
Ke 15 Bagi Tahun 1447H / 2025M

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
13 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
JBS / ADM / TDR / 09 / 2025

Keterangan:
Documentation For
Investor Proposal To
Finance, Design, Build,
Manage, Operate And
Maintain A Sports Complex In
Padang Arena Seria

Cagaran:
FOC

Tarikh Tutup:
30 September 2025

Jam:
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang





**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai
Penghulu Mukim
Tingkat III - PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)**

Bagi

Daerah Tutong

Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapi pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai **Penghulu Mukim Rambai, Daerah Tutong.**

**Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 16 Ogos 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491 Ext. 110 / 111 atau alamat E-mel kepada imk.jdt@tutong.gov.bn



**Sebut Harga bagi Perkhidmatan /
Pembekalan:**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JKBD / 2025 / SH-12
Kontrak Dua (2) Tahun Bagi Perkhidmatan Pemojangan Rumput Dan Pembersihan Tapak Stesen-Stesen Kajiucua, Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Rabu,
6 Ogos 2025.
Sebelum 9.00 Pagi.

Kepada;
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajiucua Brunei

**Jawatan Kosong Sebagai
Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)
Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)
Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)**

**bagi
Daerah Tutong**

**Kampung Petani,
Mukim Pekan Tutong
Kampung Merimbun,
Mukim Rambai Rancangan
Perumahan Negara Bukit
Beruang Kawasan 2,
Mukim Telisai Rancangan
Perumahan Negara Bukit
Beruang Kawasan 4, Mukim
Telisai**

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapi pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai **Ketua-Ketua Kampung.**

Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung Jabatan Daerah
Tutong Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri Negara Brunei
Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 16 Ogos 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +6734222491 Ext. 110 / 111 atau alamat E-mel kepada imk.jdt@tutong.gov.bn



Darussalam
Tingkat 1, Blok B23, Flat Anggerek
Desa,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

Tarikh Tutup:
26 Ogos 2025, Selasa.
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 007 / 2025 - Retender

Nama Projek:
Pengaliran Air-Membina Stesen
Pam Di Saluran Keluar (Outfalls),
Jalan Maulana, Kuala Belait
(Design And Build) - Retender

No. Projek:
DDS 1215-013 / ADBT - 01

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 047 / 2025

Tajuk:
Bukit Panggal Combined Cycle
Power Station - Phase II
(Engineering, Procurement,
Construction, Installation and
Commissioning, EPCIC)

Tarikh Tutup:
14 Oktober 2025.
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen :
BND5,005.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1 Bangunan
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
IV atau V

Kategori:
E01 & E02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
29 Julai 2025.
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam 3.00
Petang.

Tarikh Tutup:
12 Ogos 2025.
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam 2.00
Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 25 / 2025

Nama Projek:
Membekal Dan Memasang
Lampu 'High Bay'
Bagi Venue Kejohanan Sukan
Sekolah-Sekolah ASEAN Kali Ke
14, 2025 Brunei Darussalam,
Dewan Kompleks Ibu Pejabat
Pasukan Polis Diraja Brunei,
Gadong

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Tawaran:
JPI / 04 / 2025

Tajuk :
To Conduct Feasibility Study
Assesment For Sustainable
Aquaculture At New Fish Cage
Culture Sites, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
30 September 2025.



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas :
IV, V & VI

Kategori:
KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 29 Julai 2025.

Yuran Tawaran:
BND5000.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 18 / BKTGS / 2025-T / V

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaikpulih Tanah
Susur Di Jalan Keluar Padang
Tembak PPDB Sg Akar,
Jalan Utama Mentiri

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 12 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
2025 / TDD / EOI / 02

Tajuk Tawaran:
Invitation For Expression Of
Interest (EOI) - "To Engage An
Exhibition Developer Specialist
For The Interior Design And
Build Of The Kampong Ayer
Cultural And Tourism Gallery,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam"

Tarikh Buka Tawaran:
Sabtu, 5 Julai 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
14 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.





JPt / SH / 37 / 2025-2026:
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersihkan Kawasan Bangunan Bengkel Wasan Dan Stor, Banglo Wasan (Pejabat), Berek Blok 'G' Dan Jalan Masuk, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 38 / 2025-2026:
Perkhidmatan Mengangkat Dan Membuang Sampah Bagi Bangunan-Bangunan Dan Stesen-Stesen Di Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan Selama Tiga (3) Tahun

JPt / SH / 39 / 2025-2026:
Pump Operation Services At Imang Dam Irrigation Station, Kg Panchor Murai, Brunei Muara District For One (1) Year

JPt / SH / 40 / 2025-2026:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Ke Atas Paip-Paip Utama Dan Pembahagian Pengairan Di Kawasan Kemajuan Pertanian Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 41 / 2025-2026:
Drafting Services For Preparation Of Standard Design And Build Tender Documentation Of Infrastructure Works

JPt / SH / 42 / 2025-2026:
Supply, Installation And Replacement Of Fencing At Unit Penyelidikan Padi Wasan Office,



Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Brunei Muara District

JPt / SH / 43 / 2025-2026:
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersihkan Kawasan Pejabat, Perumahan Dan Jalan Ladang KKP Tungku, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 44 / 2025-2026:
Melaksanakan Penyelenggaraan Peralatan Bagi Makmal Veterinar

JPt / SH / 45 / 2025-2026:
Supply And Delivery Of Standards For Multi-Mycotoxin Determination Using HPLC In Nutrition & Toxicology Laboratory

JPt / SH / 46 / 2025-2026:
Supply, Delivery, Install And Test Veterinary Chemistry Analyser At VLS Terunjing.

JPt / SH / 47 / 2025-2026:
Supply, Delivery And Installation Of Purified Gases Refill For Veterinary Laboratory Services For One Year.

JPt / SH / 48 / 2025-2026:
Supply, Delivery Of Laboratory Freezers And Ice Maker Machine For Veterinary Services.

Tarikh Tutup:
Khamis, 7 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Borang Sebut Harga:
BND7.00



Dibukakan Kepada Pemorong-Pemorong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
II, III atau IV atau V

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran Pada:
28 Julai 2025
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
19 Ogos 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
26 Ogos 2025
(Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510,



Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T015 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Luaran Bagi Istana Darul Aman Muara, Negara Brunei Darussalam Untuk Tempoh Dua (02) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T015 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

JASTRE / BL / T016 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Di Bukit Kayangan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Dua (02) Tahun

No. Projek:
JASTRE / BL / T016 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Tawaran:
DRG / 65 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 66 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 67 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For A Period Of Three (3) Years



Bilangan Tawaran:
(48) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Trees and Wild Bushes Cutting and Trimming at Hassanal Bolkiah National Sports Complex (Zone D, Zone E and Zone F)

Bilangan Tawaran:
(49) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Membekal dan Menghantar Cat Padang Bola Sepak bagi Penambahan Stok Pusat Stor, Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran:
(50) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Pakaian Seragam bagi Jawatan Atendan, Penjual / Pemungut Tiket, Pemeliharaan Kawasan, Penjaga Bangunan dan Pembersih. Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran:
(51) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Supply and Installation of New Carpet with All Necessary Accessories at Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
7 Ogos 2025.



Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 68 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 69 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 70 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 71 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 72 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For A Period Of Three

(3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 73 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 74 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran :
DRG / 75 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
19 Ogos 2025.
tidak lewat jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

TELADANI, HAYATI PENGHIJRAHAN RASULULLAH



JABATAN Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Daerah Tutong menganjurkan Ceramah Khas Sempena Ilal Hijrah 1447 (atas kiri, atas tengah dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

TUTONG, Isnin, 28 Julai. - Konsep Ilal Hijrah dalam konteks Sambutan Tahun Baharu Hijrah membawa erti menuju ke arah penghijrahan selaras dengan peristiwa agung hijrah yang menandakan permulaan era baharu dalam Islam. Ia merupakan seruan kepada umat Islam agar sentiasa berusaha melakukan perubahan diri ke arah yang lebih baik dari tahun ke tahun.

Dalam hubungan ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui

Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Daerah Tutong telah menganjurkan Ceramah Khas sempena Ilal Hijrah 1447 bagi para peserta Kelas Bimbingan Muslimah Kawasan Zon 2 Daerah Tutong.

Antara objektif ceramah ini diadakan adalah untuk memperjelas makna Ilal Hijrah kepada para Muslimah dan menghayati penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam dari Mekah ke Madinah, di samping untuk mendorong perubahan dan peningkatan diri, ceramah juga bertujuan untuk memperkukuh lagi ikatan silaturahim dan semangat persaudaraan dalam kalangan Muslimah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar dipimpin oleh Ketua Bahagian Hal Ehwal

Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Diikuti dengan Ceramah Khas disampaikan oleh Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Bilal Masjid Pengiran Anak

Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Awang Mohd. Noor Zakwan bin Haji Mohamad Noor.

Acara seumpama ini dihasrat akan dapat menyuntik semangat hijrah sebagai asas pembentukan umat yang beriman, berilmu dan berakhlak mulia serta menyemai budaya saling menyokong dalam mendepani cabaran semasa.

Bersama-sama membantu meningkatkan bekalan darah

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Julai. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Khamis, 31 Julai 2025 bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang bertempat di Chancellor Hall, Universiti Brunei Darussalam (UBD) anjuran bersama Imagine Sdn. Bhd. dan UBD.

Manakala pada Sabtu 2 Ogos 2025 bermula jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Unicorp Sdn. Bhd., Lot 64, Tapak Perindustrian Beribi II.

Oleh itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

CAR AUCTION 2025

1998 MERCEDES S-CLASS (W140)
1997 DAIMLER DOUBLE SIX V12

Tarikh:

21 Julai 2025 – 02 Ogos 2025

Tempat:

Rimba Depot
Jalan Dang Kumala Kampong Rimba

Waktu bagi melihat kenderaan dan menghadapakan tawaran:

Isnin - Sabtu	9:00 Pagi – 11:00 Pagi 2:00 Petang – 4:00 Petang
Jumaat	9:00 Pagi – 11:00 Pagi 2:00 Petang – 4:00 Petang
Ahad	TUTUP

Tarikh Tutup: 02 Ogos 2025 @ 4.00 Petang

Borang Tawaran: \$20.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran melalui Debit/Kredit Sahaja

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

2 peserta mewakili negara ke Majlis Tilawah Al-Quran



DUA peserta Negara Brunei Darussalam berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menyertai Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-65.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Selasa, 29 Julai. - Dua peserta Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia petang tadi bagi menyertai Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-65 yang akan berlangsung dari 2 hingga 9

Ogos 2025.

Wakil bagi qari ialah johan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili.

Sementara itu, wakil qariah ialah

Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat, pemenang tempat ketiga dalam musabaqah yang sama.

Penyertaan tersebut merupakan penampilan sulung mereka di pentas antarabangsa.

Rombongan NBD turut disertai oleh Awang Abdul Hafeiz bin Haji Nuh Al-Hafiz, Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman dan Datin Hajah



Umiyati binti Haji Mohammad Noor.

Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa tersebut merupakan acara tahunan yang telah disertai oleh NBD lebih 50 kali sejak penyertaan awal.

Pemilihan wakil pada tahun ini dibuat berdasarkan pencapaian cemerlang mereka dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Akhir Kebangsaan 1446H / 2025M yang berlangsung dari 22 hingga 24 April 2025 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Penyertaan qari dan qariah

NBD tersebut bukan sahaja menjadi peluang untuk mengasah kebolehan di peringkat antarabangsa, tetapi juga platform untuk menilai tahap bacaan dan hafazan mereka serta mempertingkatkan mutu persembahan.

Ini merupakan antara usaha berterusan negara dalam memperkasa syiar Islam melalui penghayatan dan pembacaan Al-Quran di persada dunia.

Kedua-dua peserta tersebut diharap akan berjaya mempersembahkan bacaan terbaik dan mengharumkan nama NBD di peringkat antarabangsa.

MENGEMBANGMAJUKAN PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI



SUASANA Bengkel Pembangunan Kapasiti yang diadakan selama dua hari (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Julai. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, mengadakan Bengkel Pembangunan Kapasiti selama dua hari bertajuk 'Meningkatkan Nilai Melalui Pelancongan Alam Semula Jadi: Mereka bentuk Produk Pelancongan Mampan' (Enhancing Value Through Nature Tourism: Designing Sustainable Tourism Product).

Inisiatif ini menekankan komitmen Negara Brunei Darussalam untuk memupuk

perancangan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, dipacu komuniti dan sejajar dengan prinsip kemampanan.

Seramai 30 peserta mengambil bahagian dalam bengkel tersebut, terdiri daripada penyedia perkhidmatan pelancongan, agensi pelancong dan pemandu pelancong.

Bengkel dikendalikan oleh fasilitator berpengalaman daripada Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Mampan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Fasilitator membawa pengalaman yang relevan dalam biodiversiti dan ekopelancongan dan telah menyumbang kepada pelbagai program dan aktiviti yang menyokong produk pelancongan berasaskan alam semula jadi.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh menekankan kepentingan kemajuan sektor pelancongan yang bukan sahaja berdaya maju dari segi ekonomi tetapi juga inklusif dan mampan alam sekitar.

Beliau berkata, "Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pelancongan alam semula jadi telah muncul sebagai lebih



daripada sekadar trend perjalanan - ia merupakan pergerakan yang semakin berkembang, yang mencerminkan tanggungjawab kita untuk melindungi alam sekitar semula jadi sambil mencipta pengalaman yang bermakna kepada pelawat".

Bengkel tersebut bertujuan untuk melengkapkan para peserta dengan alat praktikal, pandangan, dan pengalaman berasaskan lapangan untuk membangunkan produk pelancongan yang memberikan nilai bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga menyumbang kepada kemampanan jangka panjang, pemuliharaan dan kesejahteraan masyarakat.

Komponen utama bengkel tersebut ialah sesi pembelajaran berasaskan lapangan di Pusat Kajian Botanical, Universiti Brunei Darussalam, di mana para peserta terlibat secara langsung dengan persekitaran semula jadi untuk mendengar, memerhati dan belajar untuk mewujudkan tawaran produk pelancongan yang tulen dan dipacu nilai.

Bengkel ini adalah sebahagian daripada usaha yang lebih luas Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk membangunkan sektor pelancongan yang mengimbangi pemuliharaan alam sekitar, penglibatan pelawat yang lebih bermakna, pertumbuhan ekonomi yang mampan.



Melahirkan Usahawan Bakariah Yayasan yang dedikasi

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sememangnya komited ke arah meningkatkan taraf hidup dengan sara diri dalam bidang ekonomi bagi menyahut Wawasan Brunei 2035, iaitu ke arah ekonomi yang berdaya saing dan dinamik.

Individu yang benar-benar mahu meningkatkan taraf hidup dengan sara diri tanpa bergantung dengan pihak kerajaan merupakan suatu hasrat murni yang patut diberi pujian serta sokongan sama ada berbentuk moral, bimbingan, kewangan dan sebagainya.

Pelbagai pihak sama ada di pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan telah membuat inisiatif masing-masing bagi membantu golongan memerlukan meningkatkan taraf hidup melalui program pengupayaan masing-masing. Antara yang sama-sama menyokong usaha ini ialah pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB).

Sebagai menyokong salah satu matlamat strategik YSHHB iaitu Mendukung Pencapaian Taraf Sara Diri, YSHHB terus berganding bahu dengan usaha kerajaan dalam meningkatkan keupayaan golongan yang memerlukan melalui program keusahawanan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan (SPK).

Skim ini merupakan inisiatif pengupayaan diri khusus bagi golongan sasar berpendapatan rendah, yang melibatkan pemberian bantuan modal untuk memulakan perusahaan berserta latihan kemahiran dan pemantauan berterusan. Bentuk bantuan yang disediakan merangkumi aspek kewangan, peralatan, latihan serta pemantauan, bergantung kepada keperluan dan kesesuaian setiap pemohon.

Kriteria dan latihan asas keusahawanan

Peserta yang layak menerima bantuan modal melalui SPK adalah individu daripada keluarga kurang berkemampuan tetapi memiliki keupayaan fizikal dan mental serta minat untuk menceburi bidang keusahawanan.

Sebelum dipertimbangkan untuk menerima bantuan, mereka diwajibkan mengikuti program latihan asas keusahawanan iaitu 'Bright Ideas', 'Business Plan Series' dan Program Kerohanian dan Motivasi yang merupakan satu program *bespoke* yang dirangka khusus oleh YSHHB dengan kerjasama strategik LiveWIRE Brunei.

Program latihan ini bertujuan membekalkan peserta dengan pengetahuan asas dalam dunia keusahawanan serta memupuk disiplin dan komitmen sebelum memulakan perniagaan. Antara kandungan program termasuk taklimat keusahawanan, bengkel penyediaan pelan perniagaan, pengurusan akaun dan ceramah motivasi.

Penilaian pelan perniagaan dan pemilihan penerima modal

Selepas menamatkan latihan, para peserta perlu mengemukakan pelan perniagaan masing-masing untuk dinilai oleh pihak YSHHB dan LiveWIRE Brunei. Hanya pelan yang memenuhi piawaian dan potensi kelangsungan akan dipertimbangkan untuk menerima bantuan modal di bawah SPK. Namun begitu, peserta yang belum berjaya akan terus dibimbing sehingga bersedia untuk dipertimbangkan semula.

Pencapaian dan impak

Setelah pemohon menerima bantuan modal bantuan keusahawanan, mereka ini digelar sebagai Usahawan Bakariah Yayasan (UBY).

Sejak pelaksanaan SPK pada tahun 2013, seramai 143 orang UBY telah berjaya dilahirkan. Mereka kini menjalankan pelbagai jenis perusahaan termasuk makanan dan minuman, pertanian, perkhidmatan mencuci dan membaiki kenderaan, pembuatan perabot, serta kraf tangan.

YSHHB secara berterusan merancang dan melaksanakan program susulan yang relevan untuk memastikan kebajikan dan kemajuan para usahawan ini terus terpelihara. Ini termasuk pemantauan berkala, peluang promosi dan penyertaan dalam pameran seperti Hari Bakariah, serta klinik keusahawanan dengan agensi-agensinya berkaitan.

Membina semangat berkariah : Berjarih untuk berlurih

Matlamat utama YSHHB adalah untuk melahirkan usahawan yang benar-benar *berkariah* serta sanggup *berjarih* (berusaha keras) demi *berlurih* (kejayaan) dalam perusahaan mereka. Kejayaan mereka di harap menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat umum untuk turut menceburi bidang keusahawanan, yang mampu meningkatkan taraf hidup jika diusahakan dengan dedikasi, disiplin dan kreativiti.

Platform perniagaan

Pada 15 November 2024, YSHHB telah mengadakan Majlis Pelancaran Hari Bakariah YSHHB 2024 (HBY2024) bertempat di Kompleks YSHHB, Bandar Seri Begawan. Acara seumpama ini merupakan kali ketiga dianjurkan ketika itu sebagai inisiatif YSHHB bagi menyediakan ruang strategik sebagai sokongan kepada para pengusaha tempatan dalam mengukuhkan portfolio perniagaan mereka dan meluaskan rangkaian pemasaran produk mereka.

HBY2024 merupakan platform perniagaan bagi mengenalkan

produk - produk yang dihasilkan oleh para UBY. Seramai 17 orang UBY yang mengusahakan pelbagai perusahaan menyertai aktiviti jualan ketika itu.

Kesimpulan

SPK merupakan bantuan pengupayaan diri khusus bagi golongan sasar yang memerlukan iaitu berupa pemberian bantuan modal bagi menjalankan perusahaan berserta beberapa program dan kursus kemahiran yang bersesuaian. Bentuk bantuan modal yang diberikan adalah mengikut kriteria dan kesesuaian pemohon seperti kewangan, material, latihan dan pemantauan. Untuk menyertai skim ini, pemohon bolehlah mendapatkan borang di Ibu Pejabat YSHHB.

Melalui SPK, YSHHB telah melaksanakan pelaburan sosial memastikan keluarga yang kurang berkemampuan memiliki kemahiran dan pengetahuan penting agar membolehkan mereka menjana pendapatan. Sememangnya inisiatif ini adalah sebagai mendukung usaha kerajaan untuk membantu meningkatkan potensi golongan sasar dalam sektor keusahawanan.

Dengan bantuan yang diberikan ia membolehkan mereka menjalankan dan memajukan usaha perniagaan sebagaimana yang telah mereka rencanakan.

Sememangnya peluang menjadikan usahawan di negara ini terbuka luas malah dengan adanya skim seperti ini, ia patut direbut untuk diperolehi. Bagi yang berjaya mendapat bantuan ini, ia patut disyukuri dan menjadi pemangkin semangat untuk terus berniaga dengan lebih gigih lagi. Apa yang penting lagi ialah sokongan rakyat tempatan untuk sama-sama membeli produk yang dihasilkan oleh usahawan *kitani* demi memastikan kesinambungan perniagaan mereka.



MEMUPUK BUDAYA DIGITAL SELAMAT, INKLUSIF, BERPANDANGAN KE HADAPAN

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Networks Sdn. Bhd.**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Julai. - Program literasi digital belia, iaitu Belia Pintar Siber telah memulakan kitaran kedua dengan meneruskan momentum kejayaan fasa perintisnya dengan inisiatif yang diperluaskan sepanjang tahun.

Sehubungan itu, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan hari ini di Unified National Networks (UNN) Signal, Berakas, menandakan kerjasama berterusan antara UNN Sdn. Bhd. sebagai penaja program, Kristal Media sebagai rakan media dan Big BWN Project sebagai penganjur projek.

Mewakili UNN pada acara penandatanganan MoU tersebut ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Chris Phan bersama-sama Ketua Pegawai Kewangan, Kelly Ngo; manakala Penolong Pengurus Besar Kristal Media, Mas-Sunarita Mohd. Shariff mewakili Kristal Media; sementara Pengasas dan Ketua Big BWN Project, Dayang Noor Hafizah binti Haji Rashid pula menandatangani bagi pihak Big BWN Project.

Program perintis awal yang dijalankan dari Oktober 2024 hingga Mei 2025 tersebut

SESI bergambar ramai pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di Unified National Networks (UNN) Signal, Berakas.

mencapai kejayaan luar biasa dengan melibatkan seramai 1,088 pelajar dari 11 buah sekolah di seluruh negara.

Program tersebut memberi tumpuan kepada melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan kesedaran digital teras, termasuk keselamatan dalam talian, buli siber, etika digital, dan mengenal pasti maklumat palsu, sekali gus memupuk kewarganegaraan digital yang bertanggungjawab dalam dunia yang semakin saling berkaitan.

Belia Pintar Siber diselenggarakan secara strategik dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam (NBD) di bawah Wawasan Brunei 2035 dan secara aktif menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu (SDGs) serta penekanan Kementerian Pendidikan terhadap pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik



(STEAM) melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP).

Penyelarasan menyeluruh tersebut menyerlahkan peranan penting program dalam mempersiapkan generasi akan datang untuk masa depan yang mahir digital.

Kitaran kedua program tersebut dijadual bermula pada Ogos 2025

dan akan diteruskan sehingga pertengahan 2026 dengan 10 sesi bengkel dirancang di sekolah rendah, menengah, dan pra-universiti terpilih di seluruh NBD.

Melalui kerjasama yang diperkukuh dan jangkauan yang diperluaskan tersebut, Belia Pintar Siber bukan sahaja bertujuan meningkatkan kesedaran digital

tetapi juga memupuk pemikiran kritikal digital, tingkah laku etika dalam talian, dan daya tahan dalam kalangan belia NBD.

Program tersebut kekal komited untuk memupuk budaya digital yang selamat, inklusif, dan berpandangan ke hadapan, menyumbang secara signifikan kepada perjalanan negara menuju ke arah Negara Pintar.



MINDA PEMBACA

Membina identiti, jati diri dalam era globalisasi

DALAM kehairan mengejar kemajuan dunia serba moden, satu persoalan yang wajar kita renungkan bersama ialah siapa kita sebenarnya? Di sebalik telefon pintar, aplikasi media sosial dan fesyen terkini, adakah kita masih mengenali akar budaya dan nilai yang membentuk jati diri kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD)?

Globalisasi kini merentasi sempadan tanpa halangan. Dalam sekelip mata, kita dapat menonton drama Korea yang sedang hangat dalam platform penstriman seperti 'Netflix' semakin mendapat tempat dalam kalangan remaja sebagai sumber hiburan utama atau meniru cabaran TikTok yang tular di seluruh dunia. Walaupun keterbukaan ini membawa banyak manfaat, ia juga menjadi ancaman halus kepada identiti bangsa jika tidak dikawal secara bijak.

Identiti dan jati diri bukan sekadar pakaian tradisional atau makanan warisan, tetapi melibatkan cara kita berfikir, berinteraksi dan menghargai nilai-nilai murni yang diwariskan oleh generasi terdahulu. Apakah maknanya menjadi rakyat NBD jika bahasa sendiri kita pingirkan, adat kita anggap kuno dan nilai sopan santun kita anggap lapuk? Cabaran paling ketara ialah dalam kalangan generasi muda. Ramai yang

lebih fasih berbahasa Inggeris daripada bahasa Melayu, lebih mengenali budaya K-pop daripada budaya tempatan, dan lebih bangga dengan jenama luar negara daripada produk tempatan. Fenomena ini tidak salah secara mutlak, namun jika keterujaan terhadap budaya luar melampaui semangat kebangsaan, maka kita sedang kehilangan sesuatu yang sangat bernilai.

Di sinilah peranan semua pihak menjadi penting. Sistem pendidikan harus berperanan bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga membina sahsiah dan rasa cinta akan negara. Usaha memperkasakan budaya dan bahasa kebangsaan juga tidak boleh dikesampingkan. Menghidupkan kembali seni tradisional, memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memartabatkan warisan sejarah adalah langkah ke arah pembinaan identiti yang kukuh. Dalam dunia tanpa sempadan ini, kita tidak perlu mengikut budaya barat untuk maju. Kita boleh menjadi moden dan tetap setia pada budaya sendiri.

Nama: Dayangku Nur 'Aisyah binti Pengiran Haji Ahmad
No. K/P: 01-051XXX

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Peranan Belia Dalam Membina Teknologi Bermanfaat'. Tarikh Tutup : 30 Julai 2025
- 'Isu Pengangguran, Keperluan Penyesuaian Kurikulum'. Tarikh Tutup : 6 Ogos 2025
- 'Gaya Hidup Sihat Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup'. Tarikh Tutup : 13 Ogos 2025

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
 SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
 Lapangan Terbang Lama, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Negara Brunei Darussalam.
 atau melalui
 E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn



GUANGDONG REPUBLIK RAKYAT CHINA BERGERAK PANTAS MEMERANGI CHIKUNGUNYA

GUANGZHOU, 29 Julai. - Wilayah Guangdong, Republik Rakyat China telah melancarkan langkah yang disasarkan, termasuk usaha pembersihan di seluruh bandar, untuk membendung penularan demam Chikungunya secara berkesan, penyakit virus bawaan nyamuk.

Data yang dikeluarkan pada Isnin oleh biro kesihatan tempatan Foshan, yang merupakan bandar yang paling teruk dilanda wabak di Guangdong, menunjukkan bahawa 78 peratus daripada kampung dan komuniti yang terjejas telah melihat indeks kepadatan nyamuk mereka menurun ke tahap selamat melalui usaha pembersihan air dan pembasmian nyamuk.

Foshan yang mempunyai populasi lebih 9 juta, telah menetapkan 53 hospital sebagai pusat rawatan dan memperluaskan bilangan katil pengasingan kalis nyamuk kepada 7,220 untuk menyediakan penjagaan bagi kes yang disahkan. Sehingga Ahad, pihak berkuasa kesihatan tempatan telah melaporkan sejumlah 5,155 kes demam Chikungunya yang disahkan.

Untuk menghapuskan nyamuk di sumbernya, Daerah Chancheng di Foshan telah melepaskan lebih 5,000 ikan pemakan jentik-jentik ke dalam tasik di bandar itu sejak Rabu lalu.

Di Kampung Longcun Chancheng, dron telah digunakan untuk mengesan air terkumpul di atas bumbung, bangsal penyimpanan dan kawasan lain yang sukar dicapai di mana larva nyamuk berkemungkinan membiak.

Meliputi seluruh kampung seluas 2.5 kilometer persegi dalam masa dua jam sahaja, operasi itu menyediakan data untuk menggesa penduduk membersihkan tapak pembiakan yang berpotensi.

Pada Khamis, Guangdong merayu kepada semua penduduknya untuk membersihkan air terkumpul dengan memeriksa bekas dan tumbuhan kultur air, dan untuk membasmi nyamuk dan mengelakkan gigitan nyamuk dengan menggunakan skrin untuk pintu dan tingkap, dan dengan memakai pakaian lengan panjang.

Demam Chikungunya adalah penyakit berjangkit akut yang disebabkan oleh virus Chikungunya, dengan gejala klinikal termasuk demam, ruam dan sakit sendi. Virus

SEORANG kakitangan menyembur racun serangga di Kampung Zhuangtou di Shunde, Bandar Foshan, Wilayah Guangdong di selatan China, 25 Julai 2025.

ini disebarkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk yang dijangkiti.

"Tiada bukti penularan Chikungunya dari manusia ke manusia," kata Duan Leilei, seorang penyelidik di Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit China, pada sidang akhbar pada Rabu.

Mula dikenal pasti pada 1952, Chikungunya telah dilaporkan di lebih 110 negara di seluruh Asia, Afrika, Amerika Syarikat dan Eropah.

Guangzhou, ibu kota Wilayah Guangdong telah memulakan kempen pembasmian nyamuk selama seminggu, yang akan berlangsung dari 26 Julai hingga 1 Ogos.

Dari 20 Julai hingga 26 Julai, Guangdong melaporkan 2,940 kes tempatan baharu Chikungunya, dengan 2,882 kes berlaku di Foshan. Kes yang dilaporkan adalah ringan, tanpa kes teruk atau maut dilihat setakat ini, menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Wilayah Guangdong pada hari Ahad. -

©XINHUA



Hanya 73 trak bantuan dibenarkan masuk ke Gaza ketika kebuluran semakin parah

ISTANBUL, 28 Julai. - Pihak berkuasa tempatan di Gaza pada Ahad memaklumkan hanya 73 trak bantuan masuk ke wilayah itu dalam tempoh 24 jam lalu, di tengah-tengah krisis kebuluran yang semakin memburuk akibat sekatan berbulan-bulan Israel, lapor Anadolu Ajansi.

Dalam satu kenyataan, Pejabat Media Kerajaan Gaza memaklumkan krisis kemanusiaan kini berada pada tahap yang belum pernah berlaku sebelum ini, dengan sekurang-kurangnya 133 kematian akibat kebuluran termasuk 87 kanak-kanak sejak bermulanya perang genosid oleh Israel.

Pihak berkuasa menuduh Israel sengaja mencetuskan kekacauan dan kebuluran dalam wilayah itu.

"Kebuluran kini merebak pada kadar yang membimbangkan dan menjejaskan seluruh penduduk Gaza, termasuk 1.1 juta kanak-kanak," menurut kenyataan itu.

Walaupun beberapa kerajaan dan organisasi antarabangsa mengumumkan rancangan untuk menghantar ratusan trak bantuan ke Gaza, kenyataan itu memaklumkan bahawa hanya 73 buah trak yang sampai, malah sebahagiannya dilaporkan telah dirompak atau disekat di bawah pemantauan Israel.

Pejabat media turut mendedahkan bahawa tiga penghantaran bantuan melalui udara telah dibuat ke Gaza, namun jumlah keseluruhan muatan hanya bersamaan dengan dua buah trak.

Lebih membimbangkan, bantuan udara dijatuhkan ke kawasan bertanda 'zon merah' iaitu zon pertempuran aktif dalam peta tentera Israel yang tidak dapat diakses dengan selamat oleh orang awam.

"Apa yang sedang berlaku ini adalah satu sandiwara," kata pejabat itu, sambil menuduh masyarakat antarabangsa bersekongkol melalui janji palsu dan maklumat mengelirukan.

Pejabat itu mengulangi gesaan supaya semua lintasan sempadan dibuka tanpa syarat dan bantuan makanan, air serta susu anak damit dibenarkan masuk segera.

Menurut pihak berkuasa Palestin, Gaza memerlukan sekurang-kurangnya 600 lori bantuan setiap hari bagi memenuhi keperluan 2.4 juta penduduknya.

Pada Ahad, Israel mengumumkan rancangan menghentikan serangan buat sementara secara setempat bagi membolehkan penghantaran bantuan melalui koridor selamat yang ditetapkan, selepas puluhan rakyat Palestin dilaporkan mati kebuluran di wilayah yang dikepung itu.

Jordan pula memaklumkan bahawa tiga penghantaran bantuan udara dilakukan ke Gaza lebih awal pada hari yang sama dengan kerjasama Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Rakaman menyayat hati memaparkan penduduk yang terlalu kurus, sebahagiannya tinggal rangka, tumbang akibat keletihan, dehidrasi dan kelaparan berpanjangan.

Israel melaksanakan sekatan terhadap Gaza sejak 18 tahun lalu dan menutup sepenuhnya semua lintasan sejak 2 Mac, memburukkan lagi keadaan kemanusiaan di wilayah itu. - ©BERNAMA

Arab Saudi umum inisiatif lanjut visa lawatan tamat tempoh selama 30 hari

RIYADH, 28 Julai. - Direktorat Jeneral Imigresen Arab Saudi mengumumkan inisiatif untuk melanjutkan semua jenis visa lawatan yang tamat tempoh bagi tujuan meninggalkan negara itu.

Menurut Agensi Berita Saudi (SPA), inisiatif itu menawarkan tempoh kelonggaran selama 30 hari bermula 1 Safar 1447 Hijrah, tertakluk kepada bayaran yuran dan denda yang ditetapkan.

Direktorat memaklumkan bahawa individu yang terlibat boleh memanfaatkan inisiatif ini dalam tempoh yang dinyatakan dengan membuat permohonan melalui perkhidmatan 'Tawassul' di platform perkhidmatan elektronik Kementerian Dalam Negeri, 'Absher'.

Pihak berkuasa turut menggesa orang ramai agar mengambil peluang dalam tempoh yang ditetapkan. - ©BERNAMA

China keluarkan amaran merah untuk curahan gunung dan bencana geologi

BEIJING, 29 Julai. - China mengeluarkan beberapa amaran merah pada Isnin, memberi amaran tentang kemungkinan berlakunya curahan gunung dan bencana geologi di beberapa wilayah, lapor Xinhua.

Kementerian Sumber Air dan Pentadbiran Meteorologi China (CMA) bersama-sama mengeluarkan amaran merah bagi potensi berlakunya curahan gunung. Bahagian timur Beijing, utara Tianjin dan timur laut Hebei

dijangka menghadapi risiko tinggi banjir gunung dari 8 malam Isnin hingga 8 malam Selasa.

Selain itu, amaran jingga turut dikeluarkan bagi risiko banjir gunung di beberapa kawasan di Beijing, Tianjin, Hebei, Mongolia Dalam, Liaoning dan Heilongjiang.

Pihak berkuasa tempatan digesa untuk mempertingkatkan pemantauan masa nyata, ramalan banjir dan sistem amaran awal, serta langkah pemindahan dan pencegahan risiko.

Secara berasingan, Kementerian Sumber Asli dan CMA turut mengeluarkan amaran merah bagi risiko bencana geologi di bahagian timur laut Beijing dan timur laut Hebei, serta amaran jingga untuk bahagian timur laut Beijing, utara Tianjin, dan timur laut Hebei.

China mempunyai sistem amaran cuaca empat peringkat, dengan merah mewakili tahap amaran paling serius, diikuti oleh jingga, kuning dan biru. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 13 maut, puluhan hilang dalam insiden bot terbalik di Nigeria

ABUJA, 28 Julai. - Sekurang-kurangnya 13 mayat ditemukan selepas sebuah bot kayu yang sarat dengan penumpang terbalik di negeri Niger, tengah Nigeria manakala puluhan lagi mangsa masih hilang, lapor Xinhua.

Ketua Agensi Pengurusan Kecemasan Negeri Niger,

Abdullahi Baba Arah berkata bot terbabit membawa penumpang yang kebanyakannya peniaga bersama hasil pertanian mereka menuju ke pasar mingguan di Kwata-Zumba, sebelum terbalik pada Sabtu.

Setakat ini, tiga orang termasuk pengendali bot berjaya diselamatkan.

Bagaimanapun, jumlah sebenar penumpang tidak dapat dipastikan kerana tiada senarai rasmi disediakan.

Operasi mencari dan menyelamat sedang giat dijalankan dengan penyertaan penyelam tempatan dan pasukan sukarelawan. - ©BERNAMA

Republik Singapura, Republik Indonesia, Malaysia berdepan risiko jerebu rentas sempadan pada 2025 - Laporan

REPUBLIK SINGAPURA, 28 Julai. - Republik Singapura, Republik Indonesia dan Malaysia berdepan risiko sederhana berlakunya jerebu rentas sempadan yang teruk sepanjang baki tahun ini, menurut penilaian yang dikeluarkan oleh Institut Hal Ehwat Antarabangsa Singapura (SIIA) pada Isnin, lapor Xinhua.

Penilaian itu menunjukkan peningkatan berbanding tahun lalu, apabila tahap risiko jerebu dikategorikan sebagai rendah.

SIIA menggunakan skala tiga peringkat untuk menilai risiko :

rendah, sederhana dan tinggi.

Menurut laporan berkenaan, kenaikan harga hasil pertanian serta peningkatan aktiviti penebangan hutan menjadi punca utama peningkatan kebakaran terbuka, yang seterusnya mencetuskan jerebu.

Ini termasuk peningkatan bilangan titik panas dan asap jerebu yang dikesan di beberapa kawasan di Sumatera pada pertengahan Julai lalu.

Jerebu dijangka merebak dari Sumatera Tengah ke beberapa bahagian di Semenanjung

Malaysia.

Laporan itu turut memberi amaran bahawa dasar ekonomi atau pertanian yang tidak terkawal boleh menyebabkan lebih banyak hutan ditebang, terutama jika pembakaran terus digunakan sebagai kaedah pembersihan tanah.

SIIA turut meramalkan bahawa antara 2027 hingga 2030, rantau Asia Tenggara mungkin mengalami musim kering luar biasa, sekali gus meningkatkan risiko kejadian jerebu yang lebih serius pada masa akan datang. - ©BERNAMA

Rising Rugby Academy: Cungkil bakat dari akar umbi



2025 dan diasaskan oleh dua orang adik-beradik iaitu Awang Zahirul Ghazi bin Haji Jomari dan Awang Hafizul Razi bin Haji Jomari.

Awang Zahirul Ghazi yang merupakan Ketua Jurulatih di Rising Rugby Academy, berkecimpung dalam sukan ragbi sejak peringkat sekolah menengah lagi, dan lebih aktif menyertai perlawanan dan kelab apabila sudah meningkat dewasa. Sejak itu, minat terhadap ragbi semakin mendalam.

Sebagai pemain dan jurulatih, beliau pernah mewakili pasukan dalam beberapa kejohanan tempatan dan antarabangsa.

Pengalaman tersebut banyak membantu beliau dalam membentuk latihan yang digunakan di akademi kami.

Rising Rugby Academy ini ditubuhkan untuk menasaskan kalangan belia dan kumpulan pertama yang mendaftar pada awal penubuhannya ialah pemain yang berusia 4 hingga 13 tahun.

Setakat ini, akademi ini mempunyai empat orang jurulatih secara keseluruhannya. Semua jurulatih di akademi ini mempunyai latar belakang ragbi dan komited untuk melatih dengan pendekatan yang sesuai untuk umur dan tahap pengalaman pemain.

Objektif utama akademi ini ialah untuk memperkenalkan sukan ragbi kepada kanak-kanak dan remaja yang masih baharu dengan sukan ini, terutamanya mereka yang belum pernah mencubanya. Fokus akademi ini bukan sekadar memfokuskan kepada kemahiran fizikal tetapi juga pada nilai-nilai asas seperti kepimpinan, disiplin, komunikasi, hormat dan semangat berpasukan. Matlamat jangka panjang kami adalah untuk melahirkan lebih ramai pemain tempatan yang berpotensi tinggi.

Rising Rugby Academy ini juga adalah satu platform untuk memperkenalkan ragbi dengan cara yang lebih tersusun dan selamat untuk golongan muda.

Menurut Awang Zahirul Ghazi, yang mendorong beliau untuk menubuhkan akademi ini kerana melihat potensi besar dalam kanak-kanak kita tetapi kurangnya tempat latihan yang sesuai bagi

sesuaikan adalah ke belakang atau ke sisi.

Sukan ini sangat sesuai untuk perkembangan sukan ragbi kanak-kanak dan pada masa yang sama, sukan ini mampu meningkatkan kemahiran asas dalam sukan ragbi seperti larian, hantaran, komunikasi dan posisi. Ia juga mampu memperkasa tahap keyakinan dalam kanak-kanak.

Peraturan asas yang perlu diketahui sebelum bermain Tag Rugby ialah setiap pemain memakai tali pinggang dengan dua tag (jalur kain kecil) yang dilekatkan menggunakan velcro di kiri dan kanan pinggang.

Untuk membuat tackle atau tag, pemain lawan hanya perlu menarik salah satu tag dari pinggang pemain yang memegang bola dan selepas tag ditarik, pemain mesti berhenti dan lepaskan bola, biasanya dengan menghantar bola kepada rakan sespasukan.

Objektif Tag Rugby ini masih sama iaitu membawa bola ke kawasan lawan dan jaringan try dengan menyentuh bola ke tanah dalam kawasan khas.

Di Negara Brunei Darussalam, Rising Rugby Academy merupakan akademi yang memfokuskan kepada Tag Rugby yang sesuai untuk kanak-kanak yang berminat dalam sukan ragbi.

Akademi ini ditubuhkan pada Mac

SUKAN ragbi merupakan sukan yang terkenal sebagai salah satu sukan paling fizikal di dunia. Ia melibatkan banyak aspek fizikal seperti pelanggaran badan atau *body contact* dan para pemain akan bertembung dengan pasukan lawan untuk merebut bola, membuat terjahan untuk menghentikan pergerakan lawan.

Ragbi juga mementingkan tahap kekuatan dan ketahanan di mana para pemain perlu mempunyai kekuatan otot yang tinggi serta ketahanan fizikal dan mental untuk bertahan sepanjang perlawanan.

Para pemain ragbi juga perlu memiliki tahap kelajuan dan kelincahan untuk dapat mengelak terjahan dan juga penting untuk mencipta peluang menjaringkan mata.

Tetapi tahukah awda, sukan ragbi mempunyai pelbagai jenis dan salah satunya adalah Tag Rugby.

Tag Rugby adalah versi ragbi tanpa *tackling (non-contact)*, dan sangat sesuai untuk kanak-kanak atau pemain baru yang ingin belajar asas ragbi dengan cara yang selamat dan menyeronokkan.

Tag Rugby ini sangat menarik dan berbeza dengan jenis-jenis sukan ragbi yang lain kerana Tag Rugby ini tidak melibatkan sentuhan fizikal seperti *tackle* atau tolak dan cara memberikan bola kepada rakan



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Jabatan Penerangan

peringkat permulaan. Beliau percaya ragbi boleh menjadi medium yang membentuk karakter positif dalam diri anak-anak kita.

Tambah beliau, sambutan orang ramai terhadap akademi ini, terutama sekali para ibu bapa dan komuniti sangat positif. Ramai yang menghargai pendekatan kami yang menekankan keselamatan, pembelajaran asas, dan suasana latihan yang menyeronokkan.

Secara keseluruhannya, perkembangan sukan ragbi di negara semakin baik, terutamanya dari segi minat orang ramai dan penyertaan anak muda. Namun begitu, masih banyak ruang untuk

penambahbaikan dari segi pendedahan awal, fasiliti dan kesinambungan program pembangunan sukan ragbi ini, beliau berharap akan ada kemudahan seperti padang khas untuk sukan ragbi di negara ini.

Dalam pada tu juga, beliau berharap sukan ragbi terus berkembang sebagai sukan yang inklusif dan dihargai oleh masyarakat dan lebih banyak sokongan diberikan kepada program pembangunan akar umbi, supaya kita boleh melahirkan generasi pemain ragbi yang bukan saja berbakat tetapi juga berintegriti dan berjiwa besar.





ePaper Pelita Brunei



RIADAH BRISK WALK MEMPERKUATKAN UKHUWAH, PROMOSIKAN GAYA HIDUP SIHAT



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa hadir menyertai Riadah Brisk Walk 2025 Kali Ke-2 dan seterusnya menyertai sesi senamrobik yang berlangsung di pekarangan Masjid Kampung Keriam (kiri). Sementara gambar kanan, sumbangan berkongsi rezeki telah diberikan kepada penerima.

KERIAM, Isnin, 28 Julai. - Riadah Brisk Walk 2025 Kali Ke-2 meriah dengan kehadiran lebih 150 penyertaan yang menjayakan acara berkenaan berlangsung di pekarangan Masjid Kampung Keriam, baru-baru ini.

Majlis bertemakan 'Warga Sihat, Song Dai Lakau Puohh' anjuran bersama Majlis Perundingan Kampung Keriam, Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Keriam dan Persatuan Melayu Keriam Tutong (PESAKA) bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 dan Sambutan Ilal Hijrah 1447.

Hadir menyertai majlis ialah Pemangku

Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri sekali gus ikut serta acara berjalan kaki sejauh sekitar 4 kilometer bermula dan berakhir di pekarangan Masjid Kampung Keriam.

Juga hadir, Penghulu Mukim Keriam, Awang Haji Joharry bin Haji Abd. Karim; Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Salim bin Haji Othman; ketua-ketua kampung di bawah Mukim Pekan Tutong dan Keriam.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh imam masjid berkenaan, Awang Mohd. Fauzi bin Haji Anuar, diikuti dengan sesi senamrobik yang ditunjuk oleh Awang Sarbini bin Mohiddin.

Sejurus acara berjalan kaki sampai di

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

pekarangan masjid berkenaan, majlis diteruskan dengan sumbangan berkongsi rezeki berupa makanan asasi dan pakaian terpakai yang kemudiannya nanti diserahkan kepada para penduduk Kampung Keriam yang memerlukan bantuan.

Ketua Kampung Keriam, Awang Haji Bahrain bin Haji Bolhassan selaku Pengerusi Bersama ketika ditemu bual berkata, tujuan utama penganjuran aktiviti Brisk Walk ini antara lain meningkatkan perpaduan dan mengeratkan hubungan muhibah, kerjasama dan silaturahim dalam kalangan AJK selain meningkatkan kesedaran dan mempromosi gaya hidup

yang sihat dalam kalangan AJK, keluarga dan para jemputan melalui aktiviti sukan dan riadah.

Menurut Awang Haji Bahrain lagi, acara seumpama ini akan diadakan setiap tahun. Dengan penganjuran Brisk Walk ini, semua ahli dan ahli keluarga dapat disatukan dalam satu kumpulan dan mengambil peluang untuk memperkuatkan ukhuwah dan persahabatan, di samping sama-sama menuju ke arah hidup sihat dengan berjalan kaki beramai-ramai.

Tambahnya, aktiviti seperti ini juga dapat memberi peluang untuk merapatkan rasa saling bekerjasama antara semua pihak dan masyarakat kampung ini secara amnya.

AJS Mission juara Pertandingan Mini Fun Dart



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Julai. - Pasukan AJS Mission muncul juara dalam Pertandingan Mini Fun Dart anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mentiri sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 serta Hari Keluarga Kebangsaan 2025, baru-baru ini.

Naib juara disandang oleh Pasukan Mubarrak, manakala

ANTARA peserta yang menyertai Pertandingan Mini Fun Dart.

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

tempat ketiga dimenangi oleh Triple 21.

Hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Panchor merangkap Pengerusi MPK tersebut, Haji Awang Mohd. Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim, selaku tetamu kehormat.

Beliau turut merasmikan pertandingan itu yang berlangsung di kediaman salah seorang Ahli MPK berkenaan, Awang Zuraimi bin Haji Bujang.

Sebanyak 13 pasukan dari kalangan penduduk kampung Kawasan 2 RPN Kampung Panchor menyertai pertandingan

berkenaan.

Pertandingan yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk memeriahkan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Hari Keluarga Kebangsaan bagi tahun ini, di samping mempromosikan sukan dart dalam kalangan masyarakat, memupuk semangat kesukanan dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama penduduk kampung.

Turut hadir, Ahli-ahli MPK Kawasan 2 RPN Kampung Panchor.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SABAR MEMBAWA BANYAK KEBAIKAN, KELEBIHAN DALAM KEHIDUPAN KITA